

Bil. 1

Selasa  
19 Januari 2016



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Mengenai:**

**Kawalan Pengurusan Tadbir Urus  
1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

(Bahagian Pertama)

- Kementerian Kewangan
- 1Malaysia Development Berhad: YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lordin Wok Kamaruddin (Pengerusi)

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
彭加國會第十四屆**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A  
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 19 JANUARI 2016**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat)]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang [Ketua Audit Negara]  
YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]  
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Cik Lim Sok Kiang [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan  
(Syarikat Kerajaan, Bahagian II)]  
Puan Nadhirah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan  
(Bahagian Kajian Khas)]  
Puan Farizah binti Harman [Ketua Penolong Pengarah  
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Syarikat 2)]

samb/-

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Jabatan Audit Negara (samb/-)**

Puan Nik Mazian binti Mohammad [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Kewangan 5)]  
Encik William Yapp Thou Kiong [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Kajian Khas)]  
Puan Suraya binti Adnan [Penolong Pengarah Sektor Audit Persekutuan (Syarikat Kerajaan, Bahagian II)]  
Puan Nurul Hana binti Radzi [Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (Cawangan Kewangan 2)]  
Puan Aziatul Akmam binti Atan [Penolong Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan]

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Hisham Azlin bin Zainun [KPP(K)A2]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina binti Kamarudin [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Dr. Kamariah binti Noruddin [Pengarah (SIP)]  
Encik Norwan bin Ahmad [Ketua Penolong Pengarah (SIP)]

**SAKSI-SAKSI****1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin [Pengerusi]  
Encik Ivan Chen [Ketua Perundangan]  
Encik Zahid Taib [Pegawai Perhubungan Kerajaan]  
Encik Elmie Abu Bakar [Pegawai Perhubungan Kerajaan]  
Encik Ho You Chai [Ketua Komunikasi]

**Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]  
Dr. Yusof bin Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]  
Encik Shahrol Anuwar bin Sarman [Setiausaha Sulit Kanan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]  
Encik Asri bin Hamidon [Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]  
Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]  
Encik Mohd Shihabuddin bin Mukhtar [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]  
Encik Iszad Jeffri bin Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]  
Encik Muhammad Khairul Fuadi bin Hamdan [Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

### LAPORAN PROSIDING

#### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**Selasa, 19 Januari 2016**

**Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.07 pagi**

**[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Tuan Pengerusi:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw- Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat; Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Setia Ambrin; Yang Berbahagia Datuk Roosme; pegawai dan kakitangan Dewan; pegawai dan kakitangan Audit Negara; jabatan-jabatan; dan seterusnya saudara-saudara sekalian.

*Alhamdulillah*, pada pagi ini kita meneruskan prosiding kita yang telah kita lama bercuti dan diharapkan kita akan dapat mengambil kesempatan yang begitu baik kerana Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lodin ini yang dari awal lagi ya, dari awal lagi dia menjadi *board* dan kemudian dia menjadi *Chairman* kepada 1MDB. Dia *Board* ya sebelum ini, dia *Board?* *Board* sebelum- semasa Yang Berbahagia Tan Sri Bakke *Chairman*, dia pun *Board* ya? Kita berharaplah.

Latar belakang Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lodin ini mengetuai LTAT, *Boustead and Affin Group*. Sepatutnyalah dia mempunyai integriti yang agak tinggi jugalah daripada segi *corporate culture*. Kita berharap dia mampu memberikan penjelasan yang sebaik mungkin seperti yang saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Naib Pengerusi, "mencari kebenaran". *That's the words, the nice words-* "mencari kebenaran". Ini kerana tugas dan tanggungjawab kita ialah untuk mencari kebenaran dan membentangkannya kepada Parlimen untuk *public*, untuk dinilai oleh *public*.

#### **■1010**

Kita tidak banyak masa, Mac kita harus bentangkan laporan ini ke Parlimen. Saya harap selepas ini kalau kita terpaksa bermesyuarat lebih kerap kali untuk menyiapkan laporan ini, kita harap dapat kita bermesyuaratlah. *Target* kita Mac, kita boleh bentangkan ke Parlimen, itu kita punya *target*, melainkan ada perkara-perkara yang tidak kita ingini berlaku.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin memaklumkan bahawa saya dimaklumkan oleh Dato' Isa daripada Perbendaharaan yang esok Tan Sri Bakke tidak dapat hadir. Bila saya dimaklumkan saya terus membuka Laporan Audit dan melihat perkara-perkara yang ada hubung kait dengan Tan Sri Bakke. Saya melihat dia meletak jawatan kerana tidak bersetuju banyak perkara dari segi *management*, polisi dan polisi syarikat. Dia hanya memegang beberapa bulan, dua bulan sahaja, tidak lama. Saya ingat tidak lama. Jadi, sebab dia tidak dapat datang esok, kalau boleh kita guna kesempatan ini untuk kita dapatkan

maklumat yang sebanyak mungkin dan boleh kita lanjutkan esok. Tan Sri Lodin boleh, boleh esok lagi?... Boleh, kita agree?

Cuma saya hendak minta pandangan adakah perlu kita panggil lagi Tan Sri Bakke ini? Ini kerana saya melihat dia meletak jawatan, dan menyatakan kalau daripada segi Laporan Audit dan dari *Board of Director*, memang dia tidak setuju sama sekali dari mula. Semua *joint venture* dia tidak setuju, nampak dalam *Board* itu ya. Hantar wang dia tidak setuju, dia menyuruh hantar balik duit itu, dan oleh sebab tidak setuju itu saya tengok balik ya, *Board Meeting* dia, maknanya dia letak jawatan. Kalau kita panggil pun saya rasa dia akan beri jawapan yang sama, maknanya dia tidak setuju.

Kita boleh masukkan dalam kita punya laporanlah, laporan ke Parlimen nanti, kenapa dia berhenti. Umpamanya dia kata tidak setuju dengan model perniagaan, tidak setuju daripada segi wang itu dihantar, dia tidak setuju semua. Saya nampak dalam surat itu semua dia tidak setuju. Malah dia meminta supaya diambil balik duit itu. Akan tetapi terpulanglah kepada- saya tidak mahu memberi satu kata putus, terpulang kepada *Committee*, sama ada perlu atau tidak memanggil dia lagi supaya kita hendak mengelak. Pada saya jelas, dan saya baca *Audit Report* dan *Board Meeting* semua, memang dia tidak setuju pada *day one* lagi. Nampak gaya daripada segi Minit.

Jadi kita tidak perlu panggil dia, kerana kita boleh *conclude* kan dalam laporan kita bahawa dia tidak setuju. *I mean* dia tidak setuju sebab itulah dia berhenti. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa, sama ada perlu atau tidak perlu dia dipanggil lagi. Pada saya kalau panggil dia akan beri jawapan yang sama, dan seperti yang *diinterview* oleh Pegawai Audit, dan dalam laporan *Board Report*. Jadi, terpulanglah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa. Kalau tidak perlu panggil kita boleh jimatkan banyak masa, dan esok boleh kita gunakan untuk *grill* lagi Tan Sri Lodin ini untuk mendapat maklumat yang sebanyak mungkinlah.

Ini kerana pada saya, dalam mana-mana organisasi, *Chairman very important* untuk kita dapatkan maklumat, dan selaku *Chairman*, dia bertanggungjawab sepenuhnya kepada syarikat. Jadi terpulanglah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa, saya minta pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalianlah sama ada...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terlebih dahulu, apa alasan yang diberikan oleh Tan Sri Bakke, kenapa beliau tidak dapat hadir esok- minta maaf. Oleh sebab ini merupakan satu mesyuarat yang penting, sudah kita maklum kepada Tan Sri Bakke awal-awal lagi. Ketidakhadiran ini merupakan satu perkara yang serius, so kita hendak tanya kepada pihak Kementerian Kewangan, apakah sebab yang diberikan oleh Tan Sri Bakke tentang beliau tidak dapat hadir esok?

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat ini kita kena tanya Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal belum ada sini lagi. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara boleh tanya dengan Dato' Isa. Dato' Isa Pegawai Pengawal dia.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kena ada jawapanlah. Sebelum kita ambil keputusan sama ada hendak panggil atau tidak hendak panggil, kita kena ada alasan yang diberikan oleh pihak yang dipanggil. So...

**Tuan Pengerusi:** Nanti kita tanya Dato' Isa, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Dato' Isa selaku Pegawai Pengawal dia.

**Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet), Kementerian Kewangan]:** Yang Berhormat nanti Dato' Dr. Isa akan *lead proceeding on behalf of 1MDB*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dato' Isa akan datang?

**Encik Rosli bin Yaakub:** Akan datang. So, mungkin nanti kita boleh bertanya Dato' Isa.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kedua, kita sudah tahu seperti apa yang disebut oleh Tuan Pengerusi tadi iaitu Tan Sri Bakke memang tidak setuju dengan banyak keputusan yang ada dalam 1MDB. Tidakkah ia lebih lagi menunjukkan bahawa kita perlu mendapatkan pandangan Tan Sri Bakke, mengapa beliau tidak setuju dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh 1MDB, lebih-lebih lagi oleh sebab dia tidak setuju, maka kita perlu dapatkan pandangan daripada beliau, apakah sebab beliau tidak setuju?

Adakah tidak setuju hanya daripada segi prinsip, ataupun tidak setuju daripada segi perkara-perkara yang lain. Saya rasa dia memang tidak lama dalam 1MDB, dan saya rasa mesyuarat yang memerlukan beliau tidak panjang. Mungkin satu jam atau satu jam setengah boleh selesai, so tidak ada apa-apa. *There is nothing lost by having him here to answer question before this Committee.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, saya berpandangan bahawa ketidakhadiran Tan Sri Bakke ini bukan kerana dia cuba elak, mungkin ada komitmen yang lebih besar. Bagi kita, kita perlu mendapat cerita yang *first side information* daripada dia sendiri dan saya setuju dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bahawa kita perlu panggil dia. Kalau tidak panggil dia, *from a legal point of view, it is amount to separation of some evidence*, kalau kita *decide* untuk tidak panggil dia. Kita akan ditohmah sebagai cuba untuk menyembunyikan sesuatu. Sedangkan dia mungkin esok ini, dia tidak dapat hadir lagi esok. Kita beri satu tarikhlah untuk dia untuk hadir dan dia bagi saya *he is very important witness*.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa mungkin hari ini kita belum dengar apa yang akan dilaporkan, dijawab oleh Tan Sri Lodin ini, *then* ataupun kita biar *meeting* hari ini jalan, *then* kita buat keputusan kemudian, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ha! Boleh macam itu. Kita tengok macam mana Tan Sri Lodin menjawab, sama ada dia boleh *explain* kerana *immediately after that*, dia ambil alih jawatan Pengerusi, dan dia pun *Board* sebelum ini. Sebenarnya pegawai-pegawai kerajaan memang tidak suka pergi ke PAC ini, apatah lagi dia macam korporat ini. Oleh sebab kita- sebab itu saya kadang-kadang, saya kasihan juga kepada Ketua Eksekutif yang tidak ada kaitan langsung dengan ini. Ini kerana *reporter* tunggu ambil gambar-reputasi mereka.

Akan tetapi saya rasa dia ada sebab-sebab tertentu, oleh sebab Tan Sri Bakke sekarang CEO ya, *managing director*, ya? MD, kah?... Presidenlah, *President of Sime Darby* lah, satu konglomerat yang besar dalam negara kita, GLC.

■1020

Walau bagaimanapun, saya setuju dengan pandangan bahawa kita tengok dua hari ini, dan kita *decide tomorrow* macam mana, sama ada kita dengar dahulu Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin ini. Dia sangat penting, sebab dia *Chairman*, dan dia awal lagi sudah mengikuti, dan sampai sekarang masih *Chairman*, dan dia masih bertanggungjawablah daripada segi seluruh perjalanan syarikat selaku *Chairman*. Jadi ada apa-apa lagi sebelum kita panggil?

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** ...Lepas ini ya?

**Tuan Pengerusi:** Ini kalau kita hendak sambung Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin, besok. Selepas Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin besok, kita buat keputusanlah sama ada hendak panggil semula atau tidak Tan Sri Bakke.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kalau tak sambung, kalau mampu habis hari ini, *then* kita boleh buat keputusan hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Keputusan hari ini. Okey. Saya begini, saya cadangkan supaya seboleh-bolehnya kita tak perlu panggil lagi Tan Sri Lodin. Hari ini selesaikan dengan dia semua sekali. Tidak perlu panggil lagi macam Arul, macam Shahrol dahulu kita panggil dua kali. Kalau boleh kalau tidak cukup hari ini- kalau boleh kita *lunchlah* supaya kita sampai *lunch* kita habis, esok kita panggil dia lagi besok. Kita sampai *lunch* sahaja. So, memberi ruang kepada kita untuk lihat apa *angle* yang Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin jawab dan kita boleh *prepare* untuk besok tanya dia.

Jadi kalau setuju, kita *half day* hari ini, besok sambung lagi *half day*. Macam mana Yang Berhormat Petaling Jaya Utara? Saya ingat *better* kita bagi dua hari dahulu. Peluang kita bagi peluanglah kepada semua orang, selesaikan dengan Tan Sri ini. Jadi, setuju kita buat dua hari ya dengan Tan Sri ini? Hari ini separuh hari, besok separuh.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, soal Tan Sri Bakke tidak hadir, ada dalam *Standing Order* kita mengenai dengan perjalanan PAC. Alasannya mesti kukuh. Selalunya kalau ikut pengalamannya, dia akan memberi tarikh yang baru kalau dia ada *emergency*. Ini....

**Tuan Pengerusi:** Dia *emergency*, *I think*. Itulah saya kata tadi, kalau kita setuju hendak panggil dia, kita beri tarikh baru. Kalau dia tidak datang juga, itu barulah kita *punish* dia lah.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Yes because there is provision for contempt.

**Tuan Pengerusi:** Kalau dua kali. Kita bagi peluang dekat dialah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, kalau bolehlah nak tahu, bilakah Tan Sri Bakke memberitahu dia tak dapat datang ke PAC?

**Tuan Pengerusi:** Dato' Isa.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi tak tahu?

**Tuan Pengerusi:** Dia memaklumkan, dia memaklumkan. Okey, ada apa lagi?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, saya berperasaan bahawa mengikut yang kita baca laporan daripada Audit Negara, dia tidak lama dalam 1MDB sebagai Pengerusi. Saya rasa seorang yang berpengalaman seperti Tan Sri Bakke ini tidak minat menjadi *Chairman*. Itu pendapat sayalah. Itu pendapat saya. Jadi oleh sebab alasan dia tidak menerima lantikan *Chairman* itu, dia hanya- *Chairman* ini dia bukannya- secara dalam urus tadbir itu tidak terlibat, hanya dalam *Meeting Ahli Lembaga* sahaja. Saya pun beberapa kali jadi *Chairman*. Kadang-kadang kita tidak tahu dan kita tidak minat melihat apa yang berlaku di dalam urus tadbir.

Saya rasa bagi saya, maklumat yang diperoleh dari Audit itu, saya rasa sudah memadai bahawa itulah jawapan beliau. Kalau kita panggil dia juga, sekiranya kalau kita panggillah, jawapannya sama, jawapan dia sama. *There is nothing that maybe we can dig more to find out the truth about 1MDB because he doesn't know much.* Kalau hari ini yang kita audit ini mungkin, sebab dia lama. Kes dia dua bulan. Tidak ada salah. Itu saya punya perasaanlah *because if you even called him, he will give you the same answer.* Okey? And then kalau Tan Sri Lodin ini, *I think he has been there for sometimes, he knows more.* That is the kebenaran that we want to get from him. That is my feelings.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Putatan. We see what is the outcome from our meeting today from the testimony from Tan Sri Lodin, then Tuan Pengerusi decide what is the best for Jawatankuasa

**Tuan Pengerusi:** Dia dua bulan sahaja saya ingat sebagai *Chairman*...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, according to the Audit Report, Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke punya- oh, masa itu Dato' ya masa itu. He was appointed twice.

**Tuan Pengerusi:** Yang pertama sebagai *Board* biasa, saya rasa.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** He was appointed Chairman twice. First on 27 of February 2009, resigned on 7 of April 2009. Then he been reappointed again on 11 of August 2009 and resigned on 19 of October. Jadi pelantikan dua kali in short spend of time ini satu perkara yang luar biasa. Mungkin ada sebab-sebabnya. Jadi kita hendak tahu, why he resigned short noticed after short period of time, tetapi dua kali. There must be a- kita hendak tahu lah. If there is nothing, tidak ada lah. Itu comes from our sources.

**Tuan Pengerusi:** Dia dua kali *Chairman* atau...?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi, kalau saya bagi- given a *Chairman* as compare to CEO, I will take CEO- sebab gaji besar, *Chairman* tak ada gaji.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tuan Pengerusi, I think perhaps a suggestion just now is to proceed with the...

**Tuan Pengerusi:** That's right. Kita tengok dulu.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Then we can discuss later.

**Tuan Pengerusi:** I get with you. Okey.

[*Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa*]

■1030

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan selaku pengawal penyelia bersama-sama dengan pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan, Dr. Yusof bin Ismail dan semua sekali, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin selaku Pengerusi 1MDB dan juga banyak lagiilah jawatan-jawatan lain itu, di 1MDB lah serta pegawai-pegawai dan kakitangan 1MDB.

Bagi pihak PAC, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran Tan Sri dan juga Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Isa kerana hadir di prosiding 1MDB dalam PAC pada pagi ini. Saya berharap kita semua dapat bekerjasama bagi tujuan prosiding ini mencari kebenaran untuk kita buat laporan dan seterusnya kita bentangkan ke Parlimen, seboleh-bolehnya pada akhir ataupun dalam bulan Mac.

Akan tetapi saya telah bercakap dengan Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain berhubung dengan esok. Saya difahamkan esok Tan Sri Bakke tidak dapat hadir kerana perkara yang tidak dapat dielakkan. Saya menerima secara hati terbuka. Cuma selepas ini kita putuskan, sama ada kita akan memanggil beliau lagi atau tidak dan seboleh-bolehnya oleh kerana Tan Sri Bakke tidak dapat hadir esok, jadi kita guna kesempatan ini untuk mendapatkan maklumat sebanyak-banyak daripada Tan Sri Lodin. Kalau boleh, terpaksa dua hari Tan Sri Lodin, kita minta maaflah walaupun dalam surat itu kita kata satu hari sahaja. Akan tetapi kalau Tan Sri Lodin perlu hadir lagi sekali dengan Dato' Dr. Isa esok, esok Dato' Dr. Isa memang hadir lah.

So, kalau hari ini kita dapat sekerat hari, tidak perlu *full day* lah ya, esok sekerat hari, dan esok kita *decide*, sama ada kita perlu panggil Tan Sri Bakke atau tidak. Oleh kerana kalau kita dapat maklumat yang secukupnya dari Tan Sri Lodin hari ini dan Laporan Audit pun ada, esok *Committee*, dan saya dan kita akan maklumkan kepada Dato' Dr. Isa secara bertulis.

Akan tetapi saya menerima penjelasan yang diberikan oleh kerana terdapat perkara yang tidak dapat dielakkan dan Tan Sri pun kita boleh panggil dia balik. Akan tetapi terpulanglah kepada keputusan kita esok. Jadi saya harap kita dapat mendapatkan maklumat dan kebenaran yang secukup-cukupnya dengan Tan Sri Lodin dan tidak perlu memanggil lagi selepas ini.

Silakan Yang Berbahagia Dato' Dr. Isa.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan]:** Saya hendak cakap sedikit. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, Penggerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC dan semua pegawai-pegawai yang hadir pada pagi ini. Sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput lagi 1MDB untuk memberi penjelasan tentang kawalan pengurusan urus tadbir 1MDB.

Seperti biasa, bos saya Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Perbendaharaan tidak dapat hadir dan dia memohon maaf kerana ada hal penting yang beliau terpaksa beri tumpuan. Saya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang bertanggungjawab mengenai 1MDB telah diminta untuk hadir ke prosiding ini.

Seperti yang telah dijanjikan seperti di Jadual, bersama saya pada pagi ini ialah Yang Berbahagia Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB bersama pegawai-pegawai 1MDB. Bersama saya, juga adalah pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang membantu untuk memberi penjelasan.

Untuk makluman semua, Yang Berbahagia Tan Sri Lodin telah menjadi Pengerusi mulai 20 Oktober 2009 sehingga sekarang. Saya percaya Tan Sri Lodin memberi sepenuhnya kerjasama untuk menjelaskan perkara-perkara yang dikemukakan sebentar lagi. Justeru itu, saya dengan suka citanya Tuan Pengerusi untuk mengembalikan mesyuarat. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebelum itu Dato' Dr. Isa, boleh saya bertanya? Apakah alasan yang telah pun diberikan oleh Tan Sri Bakke, mengapa beliau tidak dapat hadir esok kerana notis yang cukup panjang telah pun diberikan kepada beliau?

Kalau beliau tidak dapat hadir, itu merupakan satu perkara yang cukup serius kerana ini adalah se buah jawatankuasa di dalam Parlimen dan saya rasa perkara ini perlu diperjelaskan.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Mengenai berkenaan dengan tuntutan kepada Tan Sri Bakke, yang pertamanya saya rasa hari ini kita cuba menjawab semua soalan mendapatkan gambaran yang sebenar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu bukan soalan saya.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Yang keduanya, kita perhatikan Tan Sri Bakke cuma dalam masa dua bulan sahaja, kalau tidak silap saya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu bukan soalan saya. Tan Sri Bakke menolak, kata tidak dapat hadir esok. Apakah sebab yang diberikan oleh Tan Sri Bakke?

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak menolak. Saya difahamkan dia ada perkara yang...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Menolaklah.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Tidak dapat hadir.

**Tuan Pengerusi:** Tidak dapat hadir. Bukan menolak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tidak dapat hadir. Apakah sebab?

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Itu alasan yang diberitahu, *because dia punya stay itu during that period is very short.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Alasan yang siapa beritahu? Tan Sri Bakke kata dia hanya dua bulan, dia tidak mahu datang.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Tuan Pengerusi beritahu tadi, kalau hari ini ataupun esok kita sudah dapat *full information, it's a full proceeding.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dato' Dr. Isa, kenapakah elak soalan saya? Soalan saya senang. Kami diberitahu bahawa beliau memberitahu kepada Kementerian Kewangan dia tidak dapat hadir. Apakah sebab yang diberikan? Kita kena tentukan, sama ada sebab itu munasabah atau tidak.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *Chairman and PAC Members can bring another decision...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kita menulis Surat Jemputan melalui Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk meminta Tan Sri Bakke hadir esok. Bilakah Tan Sri Bakke memaklumkan kepada Kementerian Kewangan beliau tidak dapat hadir?

**Tuan Pengerusi:** *To be fair to-* sebelum saya bercakap dengan dia, Dato' Dr. Isa bercakap dengan saya dia tidak dapat hadir oleh kerana perkara yang tidak dielakkan. Saya menerima oleh kerana dia dua bulan sahaja, dia punya...

Saya ingat selepas ini kita bincang lagi. Kita pergi prosiding ini dahulu, esok kita bincang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Yang kita hendak bincang, sama ada kita akan panggil Tan Sri Bakke sekali lagi.

#### ■1040

**Tuan Pengerusi:** Tak, kita setuju tadi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu kita akan bincang.

**Tuan Pengerusi:** Kita akan bincang nanti.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kita akan bincang, saya setuju kita akan bincang di PAC sama ada kita akan panggil Tan Sri Bakke sekali lagi tapi yang kita hendak tahu sekarang, bilakah Kementerian Kewangan diumumkan oleh Tan Sri Bakke yang beliau tak dapat hadir esok?

**Tuan Pengerusi:** Hari Isnin, hari Isnin. Saya dapat *call* daripada Kementerian Kewangan hari Isnin.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, you* dapat *phone call* daripada Kementerian Kewangan hari Isnin tetapi kementerian dapat pengumuman atau pemberitahuan daripada Tan Sri Bakke bila dia tak dapat hadir? Oleh sebab Surat Jemputan kita sudah keluar lama, lebih daripada satu bulan. Soalan senang [*Ketawa*] Saya hendak tahu ada atau tak ada. Kalau tak ada, dia tak tolak ataupun dia tak kata dia tak hendak hadir? Adakah keputusan untuk tidak memanggil dia itu keputusan Kementerian Kewangan?

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Saya akan bincang balik dengan *the current Chairman*, sama ada dia sudi hadir.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya tanya Tan Sri Bakke bukan *current Chairman*.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Tak, ini perkara berkaitan dengan syarikat. Jadi 1Malaysia...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Nombor satu, adakah kita menyampaikan jemputan kepada Tan Sri Bakke?... Ada, ada? Kalau sudah, bila Tan Sri Bakke kata dia tak dapat hadir, ataupun Kementerian Kewangan tak hendak Tan Sri Bakke hadir?

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi. Sebenarnya Kementerian Kewangan telah pun memanjangkan Surat Jemputan kepada Tan Sri Bakke, dan termasuk kepada Tan Sri Lodin yang hadir yang hadir pada hari ini tetapi jawapan untuk ketidakhadiran Tan Sri Bakke adalah melalui verbal tidak melalui surat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bilakah itu?

**Encik Rosli bin Yaakub:** Ia boleh disahkan oleh Tan Sri Lodin.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kenapakah Tan Sri Lodin? Sebab kita membuat jemputan melalui...

**Encik Rosli bin Yaakub:** Kita mendapat maklumat daripada Pengerusi sedia ada di 1MDB.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *Can we discuss later* lah pasal...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no. I think Tan Sri can answer.*

**Tuan Pengerusi:** Ha! Boleh? Okeylah.

#### 10.45 pg.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin [Pengerusi, 1Malaysia Development Berhad (1MDB)]:** Assalamualaikum Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.

Perkara berkenaan dengan Tan Sri Bakke ada disebutkan dengan saya. Bukan Tan Sri Bakke tak hendak hadir dalam perbincangan itu tetapi kalau diambil kira masa beliau menjadi Pengerusi selama dua hingga tiga bulan sahaja, mungkin *you know* tidak banyak perkara yang dapat disampaikan kepada PAC tetapi saya percaya kalau PAC perlu beliau hadir, *inshaaAllah*, saya rasa dia akan hadir.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Maksudnya keputusan tidak hadir esok bukan keputusan Tan Sri Bakke, keputusan 1MDB?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tidak. Ini setelah Tan Sri Bakke berbincang dengan saya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebentar tadi Tan Sri kata Tan Sri Bakke kata dia boleh hadir?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Boleh, dia boleh hadir tetapi sebab...

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Pengerusi, pandangan saya begini, Tuan Pengerusi buatlah keputusan. Kalau kita PAC buat keputusan untuk jemput, jemputlah. Kita jemput sahaja, jadi kita tak payah bincang panjang lebar pasal ini. *I think* itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, begini, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tadi dalam *preamble* saya, kita siapkan dulu dengan Tan Sri Lodin ini. Perkara-perkara yang berhubung dengan Tan Sri Bakke, kalau kita boleh siapkan hari ini, kita tengok apa keadaannya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pengerusi, saya tak hendak panjangkan perkara ini. Saya akan habiskan ini sahaja. Saya hanya hendak sebut jemputan dibuat oleh PAC, tiada orang berhak untuk tidak

menghiraukan keputusan yang dibuat oleh PAC. Tan Sri Lodin tak boleh buat keputusan bersama dengan Tan Sri Bakke- tak perlu Tan Sri Bakke hadir esok.

**Datuk Wee Jeck Seng:** Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya kata tak payah panjang lebarkan. Keputusan buat biarlah dia datang, tanya sahaja. Tak ada masalah, so kita buat keputusan, tak payah panjang lebarkan sebab apa. Biarkan kalau tanya, biar nanti subjek datang itu, tanyalah mengapa dia tak ada, itu sahaja. Biar dia jawab.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Tuan Pengerusi, apa yang kita dengar tadi tentang alasan satu perkara yang PAC hendaklah mengambil berat kerana PAC yang memanggil saksi dan bukan saksi yang akan menentukan dia hendak datang atau tidak. So pada saya tak kira Tan Sri Bakke atau sesiapa, bila jemputan oleh PAC dibuat, mereka ada tanggungjawab untuk datang.

**Tuan Pengerusi:** Tak apa, itu kita *decide* kemudianlah. Okey, kita teruskan prosiding dengan Tan Sri Lodin. Jadi sebagai latar belakangnya, bila Tan Sri Bakke meletak jawatan dan saya pun telah – dalam *Audit Report*, dalam *Board of Directors selection* ini semua dituliskan sebab apa, lebih kuranglah sebab-sebab dia meletak jawatan kemudian Tan Sri ambil alih sebagai pengerusi. Ketika itu kalau kita lihat Tan Sri meneruskan apa-apa yang Tan Sri rasa perlu diteruskan. Jadi, boleh Tan Sri ceritakan sedikit latar belakang macam mana Tan Sri ambil alih dan seterusnya bagaimana 1MDB berjalan di bawah Tan Sri sebagai *Chairman*. Silakan Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC. Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai tertinggi kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih atas jemputan kepada saya untuk hadir di Mesyuarat PAC pada pagi ini untuk memberi penjelasan berkenaan dengan 1MDB. Sebagaimana Tuan Pengerusi menyebut sebentar tadi, saya telah mengambil alih sebagai Pengerusi 1MDB pada 19 Oktober melalui persetujuan lembaga pengarah dan pelantikan oleh *Minister of Finance* atau Menteri Kewangan I setelah Pengerusi yang lepas iaitu Tan Sri Bakke meletak jawatan pada 19 Oktober 2009, dan saya masih lagi kekal sebagai Pengerusi bukan Eksekutif 1MDB sehingga hari ini.

Pada pendapat saya, penubuhan 1MDB satu perkara yang baik bagi negara kerana ia bertujuan untuk melaksanakan program-program kerajaan untuk menuju usaha sama di antara negara-negara tertentu dengan Malaysia di dalam bidang-bidang tertentu, baik di luar negara maupun di dalam negara. Bagi permulaan, 1MDB telah mengenal pasti negara-negara di Timur Tengah dan juga negara China untuk mengadakan perbincangan dan persetujuan untuk mencari hala tuju dan menentukan projek-projek tertentu untuk merealisasikan hasrat kedua-dua atau kerajaan yang terlibat untuk menuju hubungan rapat yang lebih kukuh lagi di antara negara-negara yang terlibat. Banyak inisiatif telah dilaksanakan oleh 1MDB dengan sokongan padu daripada pihak kerajaan, pihak Kementerian Kewangan khususnya kerana 1MDB sebuah syarikat *Minister of Finance Incorporated*.

**■1050**

Umpamanya, syarikat telah mengenal pasti negara-negara Timur Tengah seperti *Saudi Arabia*, Abu Dhabi, Kuwait, Qatar untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat di antara negara-negara tersebut, kerajaan-kerajaan tersebut dengan Malaysia dan Kerajaan Malaysia. Projek-projek tertentu dikenal pasti dan pihak 1MDB telah membuat kajian yang terperinci melalui konsultan-konsultan tertentu untuk membuat analisa sama ada projek-projek yang dikenal pasti dapat mengembangkan ekonomi dan persefahaman rapat di antara negara berkenaan dengan Malaysia dapat diwujudkan.

Bagi permulaan, pihak kerajaan telah mengenal pasti 1MDB sebagai syarikat untuk menubuhkan sebuah projek usaha sama bagi pihak Malaysia dan bagi negara di Timur Tengah ekoran daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke *Saudi Arabia*. *Saudi Arabia* telah dikenal pasti sebagai negara pertama di Timur Tengah di mana 1MDB akan berusaha sama dengan syarikat yang dikenal pasti oleh pihak *Saudi Arabia* iaitu PetroSaudi untuk dijalankan kerjasama bagi memajukan projek dalam bidang *oil and gas*.

PetroSaudi ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Prince Turki iaitu seorang anakanda kepada Raja Abdullah, Raja *Saudi Arabia* yang kemudiannya telah dilantik sebagai Gabenor bagi Riyadh. Dengan persetujuan kedua-dua pihak, sebuah syarikat yang dinamakan 1MDB-PetroSaudi telah dipersetujui ditubuhkan untuk melabur dalam projek *oil and gas* di beberapa tempat yang dikenal pasti.

Sejumlah pelaburan juga telah dibuat yang kemudiannya telah ditukar, bagi pihak 1MDB, daripada pelaburan ekuiti kepada pelaburan jenis *promissory Murabaha Notes* oleh sebab beberapa perkara yang akan dapat membantu 1MDB untuk mengatasi dari segi *return*, daripada pelaburan, untuk digunakan untuk membiayai pinjaman wang yang telah dibuat oleh 1MDB.

Memang Lembaga Pengarah selalu mengambil berat tentang perjalanan dan strategi-strategi yang dilaksanakan atau diambil atau diguna pakai di 1MDB. Dengan itu, langkah-langkah diambil oleh 1MDB untuk tubuhkan komiti-komiti atau jawatankuasa-jawatankuasa tertentu di peringkat Lembaga Pengarah termasuklah Jawatankuasa Audit dan Risiko, Jawatankuasa *Nomination* dan *Remuneration*, dengan izin, dan beberapa buah Jawatankuasa yang lain. Jawatankuasa *Internal Audit and Risk* senantiasa mengawasi apa jua pelaburan yang dibuat oleh 1MDB dan akan memberi nasihat-nasihat dan teguran-teguran tertentu ke Lembaga Pengarah untuk tindakan selanjutnya diambil.

Jadi dengan pelaburan di dalam PetroSaudi, satu daripada perkara yang telah dibincangkan ialah berkenaan dengan sama ada 1MDB dapat pulangan seperti mana yang diharapkan dan dalam masa yang diharapkan daripada pelaburannya daripada 1MDB-PetroSaudi. Itu perkara penting yang telah dibincangkan yang menyebabkan pihak 1MDB bersetuju untuk menukar pelaburan di dalam 1MDB-PetroSaudi daripada ekuiti kepada *Murabaha Notes*.

Begitu juga dengan lain-lain projek yang dipelopori atau disertai oleh 1MDB terutamanya dengan China State Grid Corporation di mana cadangan telah dibuat untuk berusaha sama dengan syarikat

tersebut untuk mengambil alih projek Bakun di Sarawak, tetapi setelah kajian mendalam dibuat pihak-pihak tertentu dalam 1MDB, projek ini dianggap sebagai besar dan mungkin tidak selari sedikit dengan kemampuan 1MDB.

Beberapa projek lain juga telah dikenal pasti, umpamanya membeli syarikat tercatat awam tempatan menyertai projek *food processing* dengan Kuwait di Klang, cadangan untuk memajukan Pulau Bidong dengan Mubadalah Group daripada Abu Dhabi. Banyak lagi projek-projek lain tempatan dan juga luar negara telah dibuat kajian mendalam oleh pihak 1MDB tetapi kerana wujudnya Jawatankuasa *Risk* dan Jabatan *Risk* di 1MDB, projek-projek ini telah tidak disertai oleh 1MDB disebabkan oleh pertamanya *cash flow problem* dan juga *viability of the projects*.

#### ■1100

Jadi, *what the apa yang saya suka nyatakan ialah lembaga pengarah adalah sangat prihatin berkenaan dengan penyertaan 1MDB di dalam projek-projek yang disertainya untuk memastikan yang the syarikat mengambil kira semua aspek penyertaan atau pelaburan 1MDB di dalam projek-projek tersebut sebelum mengambil langkah-langkah tertentu untuk melabur di dalam syarikat-syarikat berkenaan.*

*The pengurusan mengemukakan cadangan-cadangan, konsultan-konsultan akan dilantik yang akan memberi pandangan dan perkara-perkara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk dibincangkan, untuk dipertimbangkan sebelum keputusan-keputusan sama ada untuk menolak atau menyertai projek dilaksanakan. But always, selalu biasanya mengambil kira tentang sebagaimana yang disebutkan pada permulaan tadi the strategy yang telah dikenal pasti bagi 1MDB untuk dilaksanakan iaitu dari segi beberapa negara tertentu, kepentingan dan hasrat kerajaan melalui MOF Inc. untuk mewujudkan talian persahabatan dan ekonomi lebih rapat di antara negara-negara tertentu dengan Malaysia.*

Kedua, sama ada projek-projek tersebut projek-projek yang dapat menarik pelaburan asing datang ke Malaysia. Ketiga, sama ada projek-projek tersebut dapat dijadikan sebagai projek katalis yang dapat mewujudkan *high multiplayer effects* bagi ekonomi negara kita. Keempatnya, untuk membolehkan kita negara berkembang dengan maju *on the sustainable basis* melalui projek-projek berkenaan.

Jadi dengan berlatarbelakangkan strategi dan perancangan seperti yang disebutkan tetapi mengambil kira kedudukan kewangan 1MDB sendiri, sudah semestinyaalah kemampuan 1MDB untuk melaksanakan strategi dan rancangan-rancangan seperti yang disebutkan adalah terhad. Dengan *paid up capital* hanya RM1 juta sahaja, 1MDB terpaksa mendapatkan punca kewangannya melalui pinjaman di pasaran sama ada melalui bon, sukuk ataupun pinjaman biasa.

Dengan pinjaman-pinjaman yang sedemikian, kita menghadapi cabaran untuk memastikan yang projek-projek yang disertai oleh 1MDB akan dapat memberikan pulangan, pulangan yang baik, pulangan yang dapat diberikan untuk membolehkan 1MDB membayar balik bukan sahaja *interest*, tetapi juga pokok ataupun *principal* daripada pinjaman berkenaan. Ini satu cabaran yang sangat sukar bagi 1MDB

dan inilah juga satu-satunya cara yang telah menyebabkan 1MDB berada dalam keadaan kesempitan kewangan pada tahun 2014 dan permulaan tahun 2015. Apa yang dijangka tidak dapat di- apa yang dirancang, apa yang dalam penghujung tahun 2014, telah tidak dapat dicapai iaitu rancangan untuk menyenaraikan syarikat *energy* 1MDB yang dibeli daripada tiga pihak iaitu daripada Tanjong, daripada Genting dan juga daripada Jimah.

Rancangan untuk melibatkan diri dalam sektor *energy* adalah satu daripada empat sektor yang telah dikenal pasti oleh 1MDB untuk disertai iaitu *energy, tourism, real estate and agribusiness*. Jadi apabila peluang untuk 1MDB menyertai satu *bidding process* untuk membeli Tanjong dikenal pasti, 1MDB telah membuat *bidding* untuk mendapatkan projek tersebut dan kemudiannya telah berjaya juga membeli Genting Power dan juga Jimah Power. Ketiga-ketiga ini telah disatukan di bawah sebuah syarikat dan rancangan ialah untuk menyenaraikan syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur. Semuanya telah berjalan dengan baik dan jika penyenaraian syarikat tersebut berjaya, sepatutnya 1MDB memperoleh *cashflow* yang sewajarnya untuk membayar balik sebahagian daripada hutang yang diperoleh untuk membeli syarikat-syarikat tersebut. Akan tetapi malangnya oleh sebab beberapa tohmahan telah dibuat ke atas 1MDB daripada segi penyertaannya dalam projek-projek tertentu dan keadaan pasaran yang agak tidak menentu sedikit pada penghujung tahun 2014, cadangan untuk menyenaraikan projek *energy* itu telah ditangguhkan.

Berkenaan dengan projek-projek *real estate*, hartaanah yang disertai oleh 1MDB, saya sendiri merasa projek yang dikenal pasti iaitu Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia projek yang boleh dilaksanakan untuk meletakkan Malaysia di satu peringkat yang lebih menarik lagi daripada segi perkembangan dan pembangunan hartaanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Projek Tun Razak Exchange umpamanya, melibatkan sebuah kawasan tanah hampir 70 ekar yang banyak terdapat pelbagai *encumbrances* ada. Pasar borong ada, *film studio* ada, *some setting* ada, UMNO Bukit Bintang punya *headquarter* pun ada di situ. Jadi, cabaran yang dihadapi adalah sangat tinggi sekali. Akan tetapi *alhamdulillah*, kita telah berjaya mengeluarkan semua ini dan membelanjakan agak banyak wang untuk menjadikan kawasan itu, untuk disediakan kawasan itu untuk pembangunan projek hartaanah dengan tujuan untuk mewujudkan *the first financial services hub* yang fokus kepada *mega Islamic bank* di dalam kawasan tersebut.

#### ■1110

*Very strategic area* yang dipenuhi dengan pelbagai *encompasses* dapat disediakan menjadi satu kawasan yang lapang dan telah berjaya menarik pelbagai pelabur untuk datang membuat pelaburan di dalam kawasan berkenaan. Pada permulaannya sebuah syarikat di Abu Dhabi, Mubadala telah menunjukkan hasrat yang tinggi untuk melabur secara usaha sama dengan 1MDB di dalam kawasan tersebut. Akan tetapi walaupun syarikat usaha sama telah ditubuhkan- kami dapat untuk bekerjasama, berusaha sama dengan syarikat di negara Arab ini satu cabaran yang sangat tinggi.

*They take their time, they quite slow in terms of their decision making process,* dan cara syarikat-syarikat di negara Arab melaksanakan projek-projek adalah agak berbeza sedikit daripada cara syarikat-syarikat di Malaysia dikendalikan atau diuruskan. Jadi apabila proses untuk mendapatkan Mubadala untuk berusaha sama dengan 1MDB untuk memajukan kawasan Tun Razak Exchange telah memakan masa yang begitu lama, kita telah meminda balik kita punya objektif dan cara iaitu membuka *bidding* kepada semua pihak yang berminat untuk menyertai pembangunan kawasan Tun Razak Exchange.

Melalui bidaan terbuka kita telah memilih Lend Lease dari Australia, sebuah syarikat awam yang besar di Australia yang telah memajukan pelbagai projek hartanah bukan sahaja di Australia tetapi juga di United Kingdom umpamanya, The Bluewater Complex di London. Mereka telah mengemukakan tawaran yang terbaik dan mereka telah dipilih untuk menjadi pemaju 60%, 1MDB memegang 40% untuk memajukan *lifestyle quarter* di dalam kawasan Tun Razak Exchange.

Kita juga telah membuka penjualan projek-projek di dalam kawasan Tun Razak Exchange yang tertentu kepada lain-lain syarikat termasuk Syarikat Mulia dari Indonesia yang telah mengemukakan tawaran yang terbaik bagi mengambil alih dan membina *iconic building* di dalam kawasan berkenaan. Bagi Bandar Malaysia pula sememang cadangan 1MDB untuk menjadikan kawasan pembangunan yang terkemuka dengan mengambil kira *all the green building environment* dan sebagainya. *Master plan and concept plan* telah disediakan tetapi oleh kerana masalah kewangan dan juga pelbagai tohahan yang dilemparkan kepada 1MDB berkenaan pengurusan 1MDB, lembaga pengarah tidak ada cara lain, dengan nasihat dan pandangan MoF Inc. kita telah mengemukakan bidaan untuk pembelian dan penyertaan pihak-pihak lain untuk memajukan kawasan tersebut.

Pada 31 Disember kita telah mengumumkan pembelian sebanyak 60% dari kawasan Bandar Malaysia oleh sebuah konsortium yang sebahagiannya dimiliki oleh syarikat daripada negara China. *InshaaAllah* jika semuanya terlaksana, dalam masa dua hingga tiga bulan ini, 1MDB akan memperoleh sebanyak RM7 bilion daripada jualan ekuiti dalam Bandar Malaysia dan 40% daripada nilai RM12.23 bilion itu akan masih lagi dipegang oleh sama ada 1MDB ataupun MoF Inc.

Bagi projek 1MDB Malaysia ini, ia melibatkan juga pemindahan kompleks-kompleks ATM yang terdapat di dalam kawasan hampir 490 ekar itu. Ini sedang dilaksanakan dengan pesatnya oleh sebuah syarikat perbadanan yang dimiliki oleh LTAT iaitu Perbadanan Perwira Harta Malaysia yang melibatkan RM1.7 bilion. Ini mengubahkan bukan sahaja kompleks-kompleks *military*, perumahan tetapi juga termasuk sebahagian daripada *Police Air Wing, private flying club* dan juga ada sembilan lubang *golf course*. *Alhamdulillah*, semua projek yang sedang dilaksanakan, yang melibatkan tujuh buah lokasi sedang dilaksanakan dengan baiknya dan *inshaaAllah* akan dapat disiapkan pada sama ada penghujung tahun ini atau *first quarter* pada tahun 2017.

Walaupun umum dimaklumkan bahawa tanah seperti Bandar Malaysia dan Tun Razak Exchange ini diperoleh oleh 1MDB dengan harga yang agak rendah tetapi apa yang mungkin umum tidak mengetahui ialah 1MDB terpaksa umpamanya bagi projek Tun Razak Exchange membelanjakan RM3

bilion untuk mewujudkan infrastruktur yang baik bagi kawasan tersebut. Untuk menjadikannya satu *financial hub* atau *center* yang terkemuka bukan sahaja bagi Malaysia tetapi juga dirantau ini seperti yang terdapat di Canary Wharf di UK dan Marine Parade di Singapore dan sebagainya.

Bagi Bandar Malaysia pula kita terpaksa membelanjakan sebanyak RM1.7 bilion untuk mengalihkan semua perkakas, semua rumah-rumah dan kompleks-kompleks yang terdapat di dalam kawasan tersebut. Dengan itu kos kepada 1MDB bukan sahaja sekadar membayar kepada kerajaan bagi tanah tersebut tetapi merangkumi juga kos untuk mengalihkan apa jua yang terdapat di dalam dua buah kawasan tersebut.

Balik kepada cadangan 1MDB untuk menyenaraikan projek *energy* yang mengeluarkan semuanya ada 13 buah stesen *Independent Power Plant* (IPP) yang bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Bangladesh, Egypt dan beberapa tempat yang lain. Di lima buah negara semuanya, 5500 megawatt. Kedua, projek IPP kedua terbesar di Malaysia dan tidak sebagaimana yang di gembar-gemburkan iaitu kita membeli projek ini dengan harga yang mahal tetapi apa yang tidak diambil kira ialah kami mendapat balik *cash wise basis* RM12 bilion yang dibelanjakan, kita dapat balik RM12 bilion, *cash*.

Kita beli projek ini dengan harga sebanyak RM12 bilion dan kita ada ambil alih hutang sebanyak RM7 bilion menjadi RM19 bilion. Jadi apabila kita jual kita dapat balik RM17 bilion, itu adalah hampir kepada harga yang kita bayar. Akan tetapi apa yang kita peroleh juga apabila kita beli ketiga-tiga projek ini kita dapat dividen RM2 bilion, jadi dalam masa projek-projek ini dimiliki oleh kita- jangan lupa juga kita terpaksa juga membuat *depreciation* dari setahun ke setahun. So walaupun kita beli dengan harga yang mahal tetapi apabila kita jual *two years down the road we have to depreciate also* apa jua perkakas yang kita ambil alih itu.

## ■1120

Jadi, *inshaaAllah* dengan penjualan Bandar Malaysia sebanyak RM12 bilion lebih dan penjualan *energy company* kita sebanyak RM17 bilion, kita *insya-Allah* dapat mengurangkan hutang 1MDB yang pada Mac 2014 sebanyak RM42 bilion itu dapat dikurangkan sebanyak RM30 bilion. Kami akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mencari cara atau jalan untuk mendapatkan kewangan selanjutnya. Umpamanya, mengadakan penjualan apa jua *financial asset* yang kita ada di *Middle East* untuk mendapatkan balik wang sebanyak RM14 atau RM15 bilion untuk menyelesaikan, kalau dapat, kesemua hutang yang diperolehi bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh 1MDB dan dapat pada akhirnya keuntungan, *inshaaAllah*, sebanyak RM2 atau RM3 bilion setelah semua ini diselesaikan.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, itulah sedikit sebanyak latar belakang. Agak panjang sedikit, *sorry, but its cover* banyak perkara yang saya rasa patut saya sampaikan dan saya bersedia untuk menjawab apa-apa soalan. Terima kasih. *Assalamualaikum.*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Tan Sri. Begitulah latar belakangnya selaku *Chairman* kepada 1MDB menerangkan perjalanan 1MDB daripada mula Tan Sri mengambil alih sebagai Pengerusi sehingga ke hari inilah. 1MDB ini banyak dah kita panggil- Arul, Shahrol. Saya nampak baru-baru ini *The*

Edge pun banyak mengeluarkan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan 1MDB. Lebih banyak maklumat telah kita perolehi.

Cuma, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bertanya kepada Tan Sri daripada segi apa-apa yang perlu diperjelaskan. Umpamanya mengapa bila Tan Sri Bakke meletak jawatan dan Tan Sri mengambil alih dan masih meneruskan *joint venture* dengan PetroSaudi? Pasal, tengok *Minutes Board* itu mula-mula memang tidak bersetujulah tapi kita teruskanlah. Jadi apa sebab-sebabnya, mungkin Tan Sri boleh jelaskan. Mengapakah masih meneruskan bila Tan Sri jadi *Chairman* teruskan juga? Telah USD1 bilion di *invest*. Jadi saya bukalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ada apa-apa hendak tanya kepada Tan Sri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Mungkin kita *start* dengan soalan yang dikemukakan oleh Tuan Pengurus di mana kita dapat lihat dari Minit Mesyuarat bahawa Lembaga Pengarah memang *not happy* dengan pihak pengurusan kerana telah pun menandatangani perjanjian dengan PetroSaudi tanpa kelulusan penuh ataupun pengetahuan daripada pihak Lembaga. So apakah yang terjadi? Adakah Lembaga Pengarah puas hati dengan segala prosedur dan proses dan *due diligence* telah pun dibuat oleh pihak pengurusan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengurus, sekejap *interruption*. Sebelum kita pergi ke soalan itu, boleh saya kemukakan soalan yang lebih awal yang perlu *clarify* oleh Tan Sri yang saya rasa perkara ini menjadi persoalan di kalangan rakyat. Kita sebagai wakil rakyat terutamanya yang duduk dalam PAC ini, perlu mendapat satu *clarification* mengenai beberapa kekeliruan yang timbul dan apabila kami masuk dalam PAC, kami dapat laporan interim daripada Audit sendiri yang menyebut perkara yang sama.

Okey, perkara pertama yang saya hendak tanya ialah jika kita tengok daripada segi kronologi yang berlaku dalam 1MDB ini, 1MDB telah bermula sebagai 1MDB daripada TIA pada 4 September 2009 tetapi satu *documentary evidence* yang ada dalam penemuan audit, Perdana Menteri sebagai *Board of Advisor* telah melantik Lembaga Pengarah 1MDB berkuat kuasa 11 Ogos 2009 di mana pada masa itu 1MDB belum lagi *exist*, belum lagi wujud. Ada surat dari Pejabat Perdana Menteri yang ditandatangani oleh Perdana Menteri melantik Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah 1MDB berkuat kuasa 11 Ogos sedangkan 1MDB hanya wujud entitinya secara legal pada 4 September 2009 sahaja. Itu mengikut laporan interim audit yang kita terima. Kenapakah berlaku begitu dari sudut *legalitynya*? Itu yang pertama.

Keduanya, satu surat daripada Prince Turki kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membincangkan mengenai cadangan JV antara PetroSaudi dengan 1MDB. Surat itu juga bertarikh sebelum 1MDB diwujudkan lagi. So, saya hendak tahu dari sudut legalnya, adakah Tan Sri pada masa itu sebagai lembaga pengarah bersama dengan Pengurus dan lembaga pengarah yang lain aware atau

mengetahui perkara ini? Kalau mengetahui, apakah tindakan *correction* yang telah dibuat untuk menyelesaikan perkara ini? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya jawab soalan yang- sebenarnya saya masuk selepas itu. Jadi saya tidak berapa pasti bagaimana perkara itu boleh berlaku tetapi apa yang saya dimaklumkan bahawa perkara berkenaan pertukaran nama ini telah dibincangkan dalam bulan Julai 2009. Saya tidak ada *privy* perbincangan tersebut. Jadi saya tidak dapat menjawab soalan itu.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Daripada jawapan Tan Sri tadi, saya tengok macam ada memo daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan ini, Lampiran 24, yang di tandatangani Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz yang kata Nota Jemaah Menteri bertujuan untuk memaklumkan Jemaah Menteri mengenai penubuhan 1MDB. Surat ini bertarikh 28 Julai 2009. Itu satu.

Kedua, surat daripada SSM bertarikh 25 Julai yang telah mengesahkan penubuhan 1MDB. Selepas itu surat daripada Perdana Menteri pada 17 September kepada beberapa orang Ahli Lembaga yang telah dilantik sebagai Lembaga Pengarah bertarikh 17 September. Boleh sahkan benda itu? Betul? Selari tidak itu?

*[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1130

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, betul. Tuan Pengerusi, saya jawab soalan saya.

Sebenarnya saya masuk selepas itu, jadi saya tidak berapa pasti bagaimana perkara ini boleh berlaku. Akan tetapi apa saya dimaklumkan bahawa perkara berkenaan pertukaran nama ini telah dibincangkan dalam bulan Julai 2009. Jadi saya tidak ada *privy to* perbincangan tersebut tadi. Saya tidak dapat jawab soalan itu.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Daripada jawapan Tan Sri Lodin tadi, saya tengok macam ada memo daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan ini, Lampiran 24 yang ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz, dia kata Nota Jemaah Menteri bertujuan untuk memaklumkan Jemaah Menteri mengenai dengan penubuhan 1MDB, surat ini bertarikh 28 Julai 2009, satu.

Kedua, surat daripada SSM pada 25 Julai yang telah mengesahkan penubuhan 1MDB. Selepas itu surat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 17 September supaya beberapa orang lembaga yang telah dilantik sebagai lembaga pengarah bertarikh 17 September. Disahkan, betul? Betul. Selari atau tidak?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Betul Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *To be fair to everybody, not to be-* saya nampak, bila tukar dari Terengganu Investment Authority, / ingat perkara biasa. Saya namakan- *book*. Kita panggil dalam istilah *secretaryship* ini? *Book*, nama syarikat.

Ada dua perkara. Satu, *book name* dengan *incorporated legally*. Itu dua perkara yang berbeza lah mungkin dalam perbincangan. Macam kata Yang Berhormat Kota Bharu tadi, mungkin 1MDB itu dalam *management* kata hendak *form this company*. Maknanya kita ambil kira 1MDB itu akan diluluskan.

Saya ingat itu. Itu saya nampak tadi soalan Yang Berhormat Kota Bharu itu mungkin tidak ada, *nothing is substantial* dari segi itu. Cuma kadang-kadang kita *book name* 1MDB, kita sudah pun tulis surat atas nama itu. Akan tetapi dari segi *legal*nya itu benda itu belum ditubuhkan secara *legal*.

Soalan daripada Yang Berhormat Jasin tadi, macam mana, ada nampak kronologi? Ulang sekali lagi. Kronologi itu.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Surat daripada memo Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) 28 Julai memaklumkan bahawa Nota Jemaah Menteri bersetuju penubuhan 1MDB, 28 Julai 2009.

Selepas itu, surat daripada SSM yang memberikan pengesahan penubuhan 1MDB 25 September 2009. Lampiran 26. Surat daripada memo KSP tadi Lampiran 24.

Selepas itu, Lampiran 27 surat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang melantik beberapa orang 17 September 2009.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, itu yang saya hendak dapat *clarification*. Surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Lampiran 27 bertarikh 17 September 2009. Surat daripada SSM mengesahkan bahawa TIA bertukar kepada 1MDB berkuat kuasa 25 September 2009, baru *confirm* jadi 1MDB. Sedangkan surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada mereka yang dilantik menjadi ahli lembaga dan Pengerusi berkuat kuasa 11 Ogos 2009. Lembaga Pengarah 1MDB yang belum lagi wujud. Wujud pada masa itu TIA. TIA sudah wujud tetapi belum 1MDB lagi.

**Tuan Pengerusi:** Kabinet bermesyuarat 28 Julai 2009 dan setuju tubuh 1MDB. Jadi macam saya cakap tadi lah, makna *assume that* kita *government* selalunya kita rasa benda ini diluluskanlah. Jadi saya ingat mungkin *Prime Minister* segi *technicality*nya tidak ada lah dia *check* sangat. Mungkin dia cuma melantik *with the assumption that* syarikat ini diluluskan. / ingat itu *administrative, nothing*, cuma *administrative*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya rasa bukan *administrative, it is a legal case*.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Tuan Pengerusi, boleh saya perjelaskan sedikit. Kita perhatikan baru macam ini, *it is at the formation stage you know syarikat itu. So, the actual appointment bila prospective Directors ini mengisi borang 48A, so that is the effective date. But just* yang surat-surat tadi, Perdana Menteri...

**Tuan Pengerusi:** *Administrative*.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *It is just administrative* mengenal pasti pengarah-pengarah yang bersedia dilantik.

So, bila SSM setuju establish 25 September 2009 and then Directors yang kita kenal pasti itu mengisi borang 48A. *That is the actual legally you are being appointed as the directors.* Ini yang biasa kita buat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Do you have the form 48A? Ya? When was actually the board of directors and also the Chairman really appointed as what Dato' Dr. Isa said just now?*

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *I think 48A sampai sekarang pun kita pakai, so it's not a new thing. So, this has been practiced by SSM. Sesiapa individu yang dilantik sebagai Pengarah mana-mana company kena isi and sign 48A. So, I think that is the normal process. So, I think we need 1MDB to check the 48A. Itu sahaja.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Akan tetapi Tan Sri, *with due respect, adakah MoF intend to ignore PM's letter of the appointment of the Chairman and also the Board of Directors yang clearly state that "Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah bersetuju untuk melantik Yang Berbahagia Datuk..." this is I refer to Datuk Bakke at that time, "...sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga 1MDB berkuat kuasa 11 Ogos 2009".* Ini surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai *Board of Advisors.* Itu isu besar saya rasa yang bukan- *it is not administrative matter, it is a legal matter.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Cuma Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Surat itu ada stated the date tetapi the actual effective date legally selepas pegawai ataupun individu itu menandatangani 48A.

Even sekarang pun, walaupun MoF lulus, *just for information, kita kata bersetuju X dilantik sebagai Y company tetapi subject to things. Sign 48A and tertakluk kepada kelulusan SPRM, to that extend. This is the standard yang kita practice sekarang.* So walaupun kita MOF keluarkan surat hari ini, macam date tadi, tetapi ia punya enforcement itu legally akan dilantik dan boleh mengambil tanggungjawab sebagai director selepas dia fulfill these two conditions. Itu caranya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu saya bertanya mana form 48A yang hendak menunjukkan bahawa Pengerusi dan ahli lembaga ini sign form 48A itu selepas daripada penubuhan 1MDB. Kalau boleh tunjuk tidak apa lah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau saya boleh ini, 1MDB ini ia change of name. Company memang sudah form yang TIA itu. Macam MoF kata tadi, ia memanglah daripada segi company itu effective date ia itu bila 48A submit, betul tak?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *I think this is something quite normal for any company for that matter now. Number one now, when we have already decided to form the company, we have to elect who and who the directors. Then the directors would elect the Chairman.*

*Actually now, formation of the company now is not actually based on the approval from SSM. The moment you sit together, you want to form the company, the company is formed. Pilih X date.*

Akan tetapi setelah kita memenuhi borang-borang macam Yang Berhormat Kota Bharu cakap tadi, sudah dapat kelulusan barulah *formalize*. Akan tetapi sebenarnya pelantikan itu *on that very date before SSM...*

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *I think Tuan Pengerusi, berkaitan dengan the real date itu, I think kita beri the actual document, kita akan supply kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Thank you.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Check dalam audit report, kalau Audit boleh membantu, I am sure pelantikan itu ia ada effective dalam ini. Kalau siapa-siapa boleh cari sekejap. Ia ada. Kalau audit boleh tolong cari, I am sure when you've done it is inside there. Kita ada effective Tan Sri masuk bila, Tan Sri Bakke masuk bila, keluar bila.*

*[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kalau saya boleh baca, dalam *interim report*, tetapi saya rasa ini tidak betul. Tan Sri Lodin ikut sini dilantik sebagai Pengerusi *Non-Executive Director* pada 11 Ogos 2009. Saya rasa tidak betul. Saya rasa ini Tan Sri Bakke lagi. Ahli sahaja kan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Sebagai ahli Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Bukan Pengerusi lah? Bukan Pengerusi.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Pengerusi pada 19 Oktober.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ini lagi kalau kita lihat, Tan Sri Dato' Paduka Ismee Ismail contohnya, tarikh lantikan 23 Mac. Akan tetapi di atas itu tajuknya "Senarai Lembaga 1MDB", ini yang mengelirukan. Tak apalah, typo lah kan. *In court, I will ask all these ya.*

■1140

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *I think kita kena faham background kita. Syarikat ini asalnya TIA so we really establish TIA and then the process itu kita tukar nama tetapi the same entiti itu meneruskan business dia.*

**Tuan Pengerusi:** Boleh audit beri kepada Yang Berhormat Kota Bharu *the latest*, semua sekali kronologi dia itu. *I ingat itulah as I said tadi ada dua perkara, satu administrative satu lagi daripada segi legal minding itulah. Yang keduanya, tadilah yang PJ Utara, Yang Berhormat Tony tadi. Silakan.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, berkenaan dengan penyertaan 1MDB dalam PetroSaudi, memang jika kita lihat daripada segi *time frame* di mana projek itu disempurnakan agak cepat sangat. Kita mengambil kira tentang *sensitivity of this joint venture* di antara Saudi Arabia sama Malaysia. *This is a G-to-G* dan Lembaga Pengarah pengurusan juga dimaklumkan bahawa seorang yang daripada Saudi Arabia yang memegang jawatan tinggi melawat Malaysia dan harapan kita ialah untuk menyiapkan *joint venture agreement* supaya dapat ditandatangani di hadapan pegawai yang akan melawat Malaysia dengan Perdana Menteri kita. So, itu sebabnya nampak macam perkara penyiapan kerja *joint venture agreement* itu dilaksanakan dengan begitu cepat sekali.

Kedua, kita setuju dengan pelantikan Edward Morse untuk melaksanakan *proper evaluation* dan sebagainya kerana latar belakang mereka di dalam firma tersebut adalah nampak sangat mempunyai latar belakang yang kukuh daripada segi pengetahuan dan pengalaman dalam *oil and gas*. So, kita telah menggunakan laporan daripada Edward Morse untuk memberi pengesahan bagi penyertaan kita dalam PetroSaudi. Berkennaan dengan pembayaran dan sebagainya, ini telah dijelaskan oleh pihak pengurusan, mengapa pembayaran telah dibuat seperti mana yang dibincangkan, yang dibangkitkan dalam mesyuarat lembaga. Akan tetapi *as with most joint venture agreement, the agreement of both parties must be reach* daripada segi tatacara, pelaksanaan prinsip-prinsip surat perjanjian tersebut.

Daripada segi ini, 1MDB telah dimaklumkan bahawa pembayaran harus dibuat kepada si polan, si polan. Ini telah disahkan oleh pihak PetroSaudi daripada segi penerimaan dan daripada segi pengesahan bahawa 1MDB memiliki 40% saham 1MDB PetroSaudi setelah pembayaran dibuat oleh kita kepada bank-bank seperti yang telah dikenal pasti. So, dengan penjelasan yang diberikan, pihak Lembaga Pengarah menerima apa yang dijelaskan dan bersetuju supaya kita teruskan dengan tujuan supaya harapan kedua-dua pemimpin negara yang berkenaan akan dapat merealisasikan hasrat mereka untuk mewujudkan satu projek usaha sama untuk kebaikan ekonomi dan persahabatan bagi ketua negara itu. *So, that is the principal.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pengerusi, dua soalan. Pertamanya, yang dimaksudkan *G-to-G* ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dengan Raja Arab Saudi ke ataupun Putera Turki?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya kurang pasti sebab apa, dalam bulan Julai, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada melawat Saudi Arabia. Dalam fahaman kita, ini satu persetujuan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat dengan pihak *ruler* di Saudi Arabia untuk menubuhkan syarikat seperti mana yang disebutkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai PetroSaudi ini, adakah kerana itu syor daripada Edward Morse yang menetapkan PetroSaudi ini tulen, daripada empat PetroSaudi di Saudi Arabia, ini yang tulen sekali. Adakah itu Edward Morse yang menetapkan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Dalam fahaman saya, ini adalah syarikat yang dikenal pasti oleh pihak daripada Saudi Arabia, *the ruler* bukan daripada Edward Morse.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Tan Sri, saya hendak tanya tentang laporan Morse ya. Kita melihat tarikhnya ialah 29 September dan ini adalah lepas *joint venture agreement* telah ditandatangani pada 28. So adakah Lembaga Pengarah dapat melihat laporan sebelum keputusan dibuat untuk membuat pelaburan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang pasti Yang Berhormat.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Kurang pasti tentang soalan saya?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tak, kurang pasti sama ada laporan itu telah diterima sebelum atau selepas tetapi kita jemput Edward Morse datang memberi taklimat. Saya tak ingat sama ada selepas atau sebelum *but the report* ada diterima oleh Lembaga Pengarah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Mengikut minit mesyuarat yang ada, jelas Edward Morse tak muncul sebelum perjanjian ditandatangani. *I think the lawyers can confirm that.* Soalan yang mungkin berkaitan, adakah lembaga pengarah membaca laporan Edward Morse tersebut? Saya rasa pertama sekali, perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Selayang ialah laporan disiapkan selepas perjanjian ditandatangani. Perkara ini tak dapat difahikan dan telah pun disahkan oleh pihak Audit. Kedua, adakah Lembaga Pengarah membaca laporan ini dan puas hati dengan apa yang telah dibaca?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Mungkin betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tetapi sama ada *report* itu disediakan sebelum atau tidak, saya tak pasti tetapi mengikut minit, memang dibentangkan selepas. Kedua, *we are not technical people.* Kita harapkan Edward Morse untuk mengemukakan laporan yang kemas. Jadi saya sendiri ada baca *but I am sorry I am not familiar* sangat dengan *technical term.* *Very technical stuff* yang di *mentioned* disebutkan fasal Turkmenistan dan Argentina dan sebagainya.

Jadi dalam perjumpaan dengan Lembaga Pengarah, mereka memberi pengesahan bahawa apa yang terdapat di dalam *report* berkenaan menggambarkan perkara yang sebenarnya dan mereka percaya bahawa *valuation* yang dibuat itu adalah mengikut sebagaimana yang telah disampaikan kepada mereka.

#### ■1150

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tan Sri, saya cuma hendak tanya Tan Sri, *normally* kalau macam Tan Sri kata *this Edward Morse comes from the vendor side, would it be normal* dalam urus niaga kita inilah dalam pengalaman Tan Sri di LTAT, di Affin ini, untuk kita dapat *independent valuer* yang mewakili kita sebagai 1MDB ini?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya rasa saya tidak sebut Yang Berhormat, bahawa Edward Morse ini daripada penjual, daripada vendor. Saya difahamkan mereka ini lantikan daripada kita tetapi bayarannya dibuat oleh *the joint venture company.* Jadi bila kita dimaklumkan bahawa Edward Morse ini boleh dilantik untuk melaksanakan atau membuat *evaluation*, kita *study background* dan kita dapat bahawa *background* dia, *they are very reputable people. People with knowledge, background and position to give us whatever recommendation regarding the proposal.* Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri, saya lihat 1MDB sebuah syarikat pelaburan yang hanya bermodal RM1 juta sahaja tetapi terpaksa membuat banyak pinjaman untuk membuat pelaburan dan kita belum kenal pasti sama ada ia akan mendatangkan keuntungan.

Jadi sekarang saya hendak tanya sama ada apa juga keputusan yang dibuat oleh Lembaga ini sebenarnya mematuhi apa juga keperluan-keperluan proses *governance?* Ini kerana kita juga hendak lihat supaya apa juga keputusan yang kita buat ini mematuhi keputusan tersebut. Itu pertama soalan saya.

Yang kedua Tan Sri, adakah PetroSaudi ini ataupun Abbar ataupun IPIC ini *actually company that are reputable that we can deal with? I'm sorry to say that.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Terima kasih, Yang Berhormat. *Firstly*, itu saya jelaskan di dalam pembukaan saya tadi bahawa kita ini *quite risk conscious*. Kita ada tubuhkan *Risk Committee* dan *Risk Department* dan sebagainya. Jadi memang jika dikaji daripada segi *paid-up capital RM1 million* hendak buat pelbagai projek yang memakan dan memerlukan wang yang sebeginu banyak...

So, apabila kita buat kajian berkenaan dengan *investment* kita dalam PetroSaudi itu memang terlampaui tinggi dan kita berasa yang kita harus membuat sesuatu untuk memastikan yang pelaburan itu dapat memberikan pulangan yang cepat dan sebagaimana yang diharapkan, jadi dengan itu, kita telah mengambil tindakan untuk memohon pihak pengurusan untuk membuat penyemakan semula dengan pihak PetroSaudi tanpa menjelaskan harapan kerajaan dari segi *G-to-G relationship* ini dan juga daripada segi mengambil kira yang ini adalah pelaburan yang memerlukan masa yang dibutuh yang mana kita tidak boleh *liquidate overnight* ataupun serta-merta. *You know, when you invest in the oil and gas, it takes a long time.* Jadi kita telah memohon supaya pihak pengurusan berbincang dan mencari cara-cara untuk mendapatkan sama ada pihak PetroSaudi untuk memberi kita pulangan yang segera ataupun membuat sesuatu untuk menjadikan pelaburan kita itu *more liquid*.

Jadi, perbincangan di antara dua pihak telah mengakibatkan persetujuan daripada PetroSaudi untuk menukar ekuiti kita dalam 1MDB-PetroSaudi daripada ekuiti kepada pinjaman Murabaha dengan perkongsian *profit* ataupun *interest* lebih lapan peratus. Dengan itu, *at least there is certainty in term of the flow of income* bagi pelaburan kita. Kita pada masa itu memerlukan wang untuk membuat bayaran kepada *Islamic Medium Term Notes* kita yang memerlukan 5.7 peratus kos. Jadi dengan cara itu, kita ada *some margin to play with*. Itu yang peringkat pertama.

Peringkat kedua, kita telah berjaya untuk menuarkan *promissory note* ini untuk dijadikan *segregated portfolio investment* yang kemudiannya telah ditukar kepada *cash* sebahagiannya dan sebahagian kepada unit untuk disimpan di Singapura.

*So, the whole process, it is a decision by the Board, it is a deliberate decision of the Board* untuk memastikan yang pelaburan kita itu dapat memberikan hasil dengan agak cepat, pulangan yang cepat. Itu nombor satu. Kedua, dapat dicairkan dengan seberapa segera yang boleh untuk memastikan bahawa kita mempunyai wang yang mencukupi untuk menjelaskan apa juga *interest* dan *principal* yang kita hutang. *Thank you,* terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri, tambahan daripada itu, sebagai wakil rakyat ini yang sering ditemui oleh rakyat di akar umbi terutama sekali- dianggap kita sebagai pemimpin dan tahu menahu tentang urus tadbir kerajaan dan ini satu isu yang besar yang dimainkan juga oleh pihak media, selain daripada tohmahan dan sebab-sebab yang lain terutama isu RM2.6 bilion ini dimainkan dalam media sosial.

Tan Sri tadi menyatakan dalam huraiyan Tan Sri yang panjang dan begitu *detail* yang secara *genuine*, secara ikhlas dan secara terperinci *why do we have* wujudkan satu badan korporat 1MDB daripada TIA dan hasrat itu memang baik. Pertama sekali dengan berhubung kait dengan Raja Saudi Arabia yang mungkin kepercayaan, keyakinan itu pada masa itu *business model* ini akan *success*. Itu kita percaya pada permulaannya. Oleh sebab itu, kita telah melantik orang-orang yang dianggap sebagai yang berpengalaman dan yang ada status yang saya nampak lantikan semua ini semua orang korporat yang hebat-hebatlah, korporat-korporat yang besar macam saya jugalah [Ketawa]

Jadi saya lihat dalam pengurusan itu, *there is a sluggish decision on the PetroSaudi side* yang kita tidak boleh menekan, kita tidak boleh mendesak sebab kita takut hubungan antara G-to-G kita itu akan tergugat. Betul Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Betul, Yang Berhormat.

■1200

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Selain daripada itu, kita hormat dengan *royalty*. Main-main dengan Raja kita pun, orang biasa main dengan Raja ini bukan main, mereka ini bukan senang ya. Walaupun ada status kita, tetapi main dengan Raja itu bukan senang. Betul Yang Berhormat Kota Baharu? Yang Berhormat Kota Baharu ini- okeylah. Apa sebab-sebab yang lain, apa sebab-sebab yang lain kita terpaksa membayar hutang kita dengan bebanan hutang kita yang begitu besar sekali? Apa sebab-sebab yang lain *business* ini tidak *success*, gagal. Adakah ia sebab-sebab satu sebab sahaja berkenaan dengan isu RM2.6 bilion? Adakah itu satu penyebab yang 1MDB ini gagal? Apa pendapat Pengerusi 1MDB pada ketika itu?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka menyatakan Yang Berhormat, yang masalah RM2.6 bilion itu tidak melibatkan 1MDB daripada segi pandangan dan penilaian lembaga pengarah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri, itu kita faham. Persoalan saya, apa sebab-sebab yang lain selain daripada itu.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, sebagai seorang ahli korporat, saya suka menyatakan bahawa untuk menguruskan sesbuah syarikat tanpa mempunyai modal secukupnya memang sukar. Kalau kita tengok *public company*, mereka mendapatkan wang daripada pasaran, mereka dapat wang daripada pemegang saham dan mereka juga mendapat bila meminjam jika mempunyai rekod yang baik mendapat pengiktirafan daripada segi *credit rating* dan sebagainya. Akan tetapi di 1MDB kita tidak mempunyai rekod, jadi sukar untuk mendapatkan *credit rating* dan sukar untuk mendapatkan pinjaman. Kita juga mempunyai RM1 juta *paid up capital and the government* atau kerajaan tidak memberikan kita wang yang secukupnya untuk melaksanakan projek-projek sebagaimana yang dirancang. Dengan itu, kita terpaksa *raise funds* dari bank dalam bentuk sukuk, dalam bentuk *Islamic medium-term notes* dan sebagainya yang juga menarik kadar faedah ataupun kos yang tinggi.

Jadi, masalah 1MDB ialah walaupun kita mempunyai rancangan untuk *raise* kewangan untuk membayar balik wang yang dipinjam bagi projek-projek yang sesetengahnya dianggap sebagai jangka masa panjang iaitu *long-term*, tetapi malangnya satu daripada rancangan kita itu telah terjejas iaitu hendak melaksanakan IPO iaitu *initial public offering*, bagi projek tenaga atau *energy* kita. Rancangan memang cantik. Kita bercadang untuk *to list* kita punya *energy project*, tiga IPP dan *to raise certain amount of funds* yang mana kita boleh bayar balik apa jua pinjaman yang perlu untuk dibayar balik dalam masa yang berkenaan. Akan tetapi apabila kita tidak berjaya membuat penyenaraian saham itu pada bulan November 2014 dan dengan desakan daripada peminjam-peminjam, *the borrowers, the banks*, rancangan kita itu agak terganggu sedikit.

Memang daripada segi perancangan kalau itu berlaku mungkin *inshaaAllah*, perkara-perkara yang berlaku dalam tahun 2015 itu mungkin tidak berlaku. Akan tetapi malangnya fasal kita gagal untuk menyenaraikan projek *energy* kita, ini telah- dan dengan pelbagai tohahan yang dilemparkan ke atas kita, bank-bank pun mula menarik diri daripada memberi sokongan *and inilah perkara-perkara yang menyebabkan kita menghadapi masalah ini.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri, *I believe that the bank was not very friendly with you at the particular time because of what the public constitution become viral. So the bank try to strict your usage of funds. Am I right?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Memang betul Yang Berhormat. *That is what happened.* Saya tidak dapat *in fact-* sesetengah daripada *bankers* ini kawan saya, saya pergi berjalan hari Ahad pun *they stopped me and asked about the problem* dan saya terima *telephone calls* dari bank-bank bertanyakan apa rancangan yang kita buat untuk bayar balik apa yang kita berhutang dengan mereka. *So, it was quite a challenge* kepada saya sendirilah apabila kita menghadapi masalah yang sedemikian.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri, soal dengan *involvement* kita punya peranan dengan negara-negara yang tertentu, bagaimana mendapat *your relationship with your friend partner* seperti- *what is the...*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Program kita menujuhkan *joint venture* dengan PetroSaudi itu sedikit sebanyak telah mewujudkan *relationship* yang lebih baik di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Saudi Arabia hasil daripada *the joint venture*. Yes. Umpamanya, saya difahamkan bahawa Kerajaan Saudi pada tahun tersebut telah menambahkan kuota haji bagi rakyat Malaysia untuk membuat haji di Saudi Arabia. PetroSaudi saya dimaklumkan, apabila *students* kita terperangkap di Egypt, telah menghantarkan 747 untuk mengeluarkan *students* kita daripada Egypt semasa berlakunya Arab Spring. Ini dua perkara yang saya difahamkan berlaku *as a result of* kita punya *relationship* melalui 1MDB dan PetroSaudi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tan Sri, saya ada dua soalan dan soalan saya ini tidak macam Yang Berhormat Putatanlah yang berbentuk pandangan, saya berpandukan- betul juga. Saya ini bukan

bentuk pandangan tetapi berdasarkan kepada dokumen yang ada *especially the minutes of 1MDB's Board of Directors Meeting*. Saya hendak merujuk kepada satu minit mesyuarat Bil.3/2009 yang diadakan pada 3 Oktober 2009 yang mana Tan Sri ialah Pengurus pada masa itu. Terlebih dahulu saya hendak beri kredit kepada Tan Sri sebagai Pengurus dan mungkin *Board* yang begitu *concern* mengenai aktiviti yang hendak dijalankan oleh 1MDB ini.

Saya rujuk kepada Lampiran 38 minit, Tan Sri dalam *board* ini, tajuk *Board* pun "*Boards' comment on the purpose joint venture*" iaitu minit (ii) sini ya. Kalau boleh saya baca secara sepantas lalu. "*The concerns raises by the board that the recent development and the joint venture was not in accordance with the board and board understanding of the process based on the presentation made at the previous special Board Meeting especially:*

- (a) *The Board was not consulted on the changed of plan to remit USD700 million to PSI. The board understanding was for the full USD1 billion to be wired to the joint venture account under the name of JV Co and the JV Co's Board of Directors made a decision to remit USD700 million to PSI;*
- (b) *The board was also not informed of the sudden changed of joint account bank from BSI SA to JP Morgan."*

#### ■1210

Itu antara beberapa perkara yang berbangkit di sini. Disebut di sini juga, "*The comment from Tan Sri Lodin that the management must keep the core purpose of the company in mind which is to focus on initiating undertaking projects aim at attracting foreign investment to Malaysia*". Jadi soalan saya Tan Sri, nampaknya dan ini juga mungkin saya rasa penemuan daripada audit. Nampaknya, *decision* yang dibuat oleh *Board* yang dipengerusikan oleh Tan Sri sendiri tidak dilaksanakan sebagaimana sepatutnya oleh *management* yang menyebabkan *Board* merasa cukup *upset* mengikut apa yang kita baca di sini. Soalan saya, adakah ini kegagalan pengurusan 1MDB mematuhi segala keputusan yang dibuat oleh *Board* juga menyebabkan masalah 1MDB sekarang ini? Itu soalan saya yang pertama.

Soalan saya yang kedua, berpandukan kepada lampiran 39, minit 7 November. Ini berkaitan dengan *direction from Chairman of VOA* yang telah di *endorse* dalam mesyuarat ini, saya hendak tanya mengenai satu perkara sahaja. Di sini disebut, "*An initial flush of RM1 million is required in order for the word "Berhad" to be drop from Yayasan 1MDB". What is this about? RM1 million is required to remove the word "Berhad" from- this is stated here.* Lampiran 39. Saya mohon untuk dapat Tan Sri punya komen, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tuan Pengurus dan Yang Berhormat. Pertamanya, masa 3 Oktober itu Tan Sri Bakke ialah Pengurus, saya hanya ambil alih 20 hari bulan Yang Berhormat *but I was the Board Member*. Memang betul apa yang ditulis dalam minit. Akan tetapi *it was concern*, dalam mesyuarat yang berikutnya pihak pengurusan telah memberi penjelasan berkenaan dengan mengapa perkara-perkara yang dibangkitkan itu telah berlaku dan telah memberi pengesahan bahawa

pelaburan 1MDB, walaupun bayaran bagi pelaburan tersebut dibuat agak bercanggah sedikit daripada peraturan yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah tetapi pihak pengurusan telah memberi pengesahan bahawa semuanya yang diambil kira.

Pihak PetroSaudi sebagaimana yang dijelaskan kepada Yang Berhormat tadi telah mengesahkan bahawa bayaran yang dibuat adalah diterima oleh PetroSaudi walaupun dibuat dalam akaun yang lain. Ini dengan secara tulis, dengan secara *written* daripada PSI. Ya, nampak sedikit perbezaan daripada apa yang diarah oleh pihak lembaga pengarah dan apa yang dibuatkan oleh pihak pengurusan. Akan tetapi penjelasan yang diberikan itu dapat diterima kerana bagi lembaga pengarah, *they are looking at the bigger picture*. Wang telah disampaikan dan telah diakui diterima, pelaburan diteruskan.

Akan tetapi apa tindakan yang diambil oleh lembaga pengarah selanjutnya ialah untuk memastikan bagaimana kita boleh meminimumkan risiko yang mungkin dihadapi. Itu yang kemudiannya kita telah memohon pihak pengurusan untuk berbincang semula dengan pihak PetroSaudi untuk mendapatkan cara-cara bagaimana kita boleh mendapat *return* yang sewajarnya. *Later on to see whether kita boleh liquidate kita punya investment in 1MDB PetroSaudi*.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Tan Sri, tadi kita melihat tentang minit pada 3 Oktober, lampiran 38. Saya minta dua penjelasan iaitu *under BOD comments on the propose joint venture. Paragraph F. “To arrange for a representative from the valuer Edward L. Morse and the legal counsel to brief the BOD at the next BOD Meeting”*. Adakah ini bermakna seperti yang saya tanya tadi bahawa sampai 3rd October nampaknya pengarah belum dapat melihat laporan Edward Morse? Itu yang pertama.

Kedua ialah kalau kita melihat laporan Edward Morse, muka surat 2, saya baca ya. *The analysis opinion and conclusions presented in this report are based on our best economic judgment on the data that were made available to us by the management of PetroSaudi International and 1MDB PetroSaudi Limited. We use our best efforts to provide a fair and reasonable economic assessment of a number of the potential project. We make no claim to expertise on the geology of the field in question*.

So, ini yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tadi iaitu adakah pengarah sedar bahawa *valuation report* ini telah diberikan daripada maklumat yang disampaikan oleh PetroSaudi sendiri dan mereka tidak- dikatakan membuat kajian, *not qualified* tentang geologi. Adakah pengarah sedar pada masa itu?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat selalunya *the consultant would* bagi *that kind of disclaimer*, bukan tidak penting tapi itu sebabnya kita mengambil kira banyak faktor, bukan sahaja daripada segi cara yang analisis telah dibuat. Itu sebabnya lembaga pengarah kata "Okey". Kita telah buat bayaran dan sebagainya. *So you know, if* kita rasa yang ini satu pelaburan yang mungkin tidak sesuai jadi kita mesti cari jalan untuk mengubahnya kepada satu pelaburan yang lebih pasti lagi.

Itu sebabnya kita buat *discussion* untuk *convert into promissory note*. *That is part of the risk, mitigating the risk. That could be the risk, yes, you maybe a right but the board took the view that, okay, it is a done deal*, sudah bayar. So, *how do we take it back?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, basically the board is on the view that we have done something not so good, meaning to minimize damage by reducing risk?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Not so sure but when you talk about oil and gas, I must admit, saya sendiri pun tidak faham oil and gas. We have to just take whatever is said by the so call expert but if we have some doubt you know and maybe we should review. This is the process that was being done, apa yang diambil oleh Lembaga Pengarah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebentar tadi Tan Sri ada sebut bahawa segala pelaburan yang dibuat oleh 1MDB ada melalui satu Kawatankuasa *risk*. Dengan jelas daripada contoh PetroSaudi ini *Risk Committee completely failed*.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, *I wouldn't say* tidak...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *It didn't go through the Risk Committee at all.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** No. I- pada masa itu kita tidak ada *Risk Committee*, Yang Berhormat [Ketawa] Jadi ini dilaksanakan oleh pihak pengurusan dan dibentangkan kepada lembaga pengarah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu nombor satu. Kedua, dalam mesyuarat 3 Oktober itu telah jelas bahawa ada pendapat dalam Lembaga Pengarah, tidak tulis siapa punya pendapat. Akan tetapi ada pendapat dalam Lembaga Pengarah bahawa penilaian yang dibuat oleh Edward Morse itu mungkin tidak dapat di- tidak cukup meyakinkan. Terutamanya mungkin akibat klausa *disclaimer* yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Selayang tadi dan penilaian bebas satu lagi diminta untuk dibuat.

Apakah sebabnya satu lagi penilaian bebas tidak dibuat selepas itu? Saya hendak sebut ini penting sebab *it is very clear in the report that all information came directly from PetroSaudi. They did not verify the varsity of the information provided by PetroSaudi and that the reason why they can produce a report in less than a week after appointment.*

## ■1220

Kalau tidak, hendak buat *due diligence*, pergi Caspian Sea buat penilaian, *it is a three or four months project* seperti apa yang disebut dalam minit mesyuarat di mana Lembaga Pengarah diberitahu bahawa laporan penilaian akan siap hanya pada bulan Mac 2010 sebab banyak kerja kena buat untuk menilai kawasan tersebut, tetapi sekarang dibuat dalam jangka masa tidak sampai satu minggu.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, keputusan yang dibuat ialah untuk menerima Laporan Edward Morse dan mengambil tindakan untuk mengubahkan pelaburan kepada *Promissory Note* sebagaimana yang saya katakan. Yes, kita mengambil kira kemungkinan apa yang dinyatakan oleh Edward Morse tidak selari dengan apa yang dikehendaki tetapi, *as a step as I said, rather than go to the process and the cycle of appointing second valuer* dan sebagainya, kita mengambil tindakan untuk mengubahkan pelaburan kita daripada pelaburan ekuiti kepada *Promissory Note* supaya *at least* walaupun apa berlaku kepada pelaburan dalam *oil and gas* itu, kita punya wang pelaburan kita

tidak terjejas sangat. *And this is proven to be quite true but correct, converted into the Promissory Note and later on into more liquid form of asset.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Isu conversion to Murabaha Notes tidak terbangkit dalam mana-mana Minit Mesyuarat sehingga bulan Februari dan Mac. Sebelum itu, *Murabaha Notes* tidak pernah dibincangkan. Yang kita ada di sini, Minit Mesyuarat 7 November yang mencatat bahawa mengikut arahan, *direction from the Chairman of the Board of Advisors* di mana *there will be no second valuation of the assets of the JV Co.*

So, adakah keputusan Lembaga Pengarah untuk tidak ada satu lagi penilaian dibuat dalam lembaga pengarah ataupun arahan daripada *Chairman of the Board of Advisors*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I think* Yang Berhormat, kita mengambil kira nasihat daripada *Chairman of the Board of Advisor* kerana kita berpendapat bahawa kepentingan yang lebih mustahak lagi iaitu *maintaining the G-to-G relationship and the concern* ataupun keimbangan yang disuarakan oleh pihak PetroSaudi dalam perjumpaan pengurusan dengan mereka yang menyatakan bahawa kita ini agak banyak kerentah sangat, *you know, in term of trying to push or trying to proceed with the joint venture.*

*So, there was this* dua perkara yang kita mengambil kira iaitu *this is a sensitive matters involving G-to-G*. Jadi, Kita tidak mahu nampak macam kita ini *so distrustful to other party when they have*, dia orang telah menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan kita. So, *it is a commercial decision being taken by 1MDB board whether to proceed with the second or subsequent valuation.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, sebelum ini ya. Soalan ini diulang banyak kali. Daripada segi Tan Sri, kita ada kepakaran dengan Petronas. Mengapakah kita perlu Edward Morse?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, *true*, memang betul Petronas ada tetapi kita mengambil cara yang agak berbeza. Mungkin pendapat 1MDB ialah kita hendak *because this is a G-to-G* dengan PetroSaudi, jadi kita tidak mahu melibatkan pula *another entiti* yang mungkin dianggap sebagai menjadi *competitor* kepada *this joint venture project* dengan PetroSaudi. Again, *it is a commercial decision* yang mungkin boleh kita debatkan. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya tengok di sini, kira Lembaga Pengarah ini kerja kuat jugalah, walaupun Tan Sri sebenarnya sebagai *non-Executive Chairman, you are not involving on day to day operation of the company*. Macam saya tengok di sini, macam Lampiran 38 tadi, mesyuarat pada hari Sabtu, tiga hari bulan pukul empat petang. Selepas itu, *the next Board Meeting was held a week later on 10 October 2009 at 9.15*. Betul Tan Sri? Ada perkara yang disebut, *the board suggestion that the 10 reputable valuers be submitted to the Chairman of BOA together with BOD's recommended shortlisted valuers and thereafter, the management can approach PSI and determine the valuers to be appointed*. Maknanya, perkara ini telah dibincangkan. Adakah perkara ini dipatuhi? Maknanya yang *shortlist valuer* dan juga semua sekali perkara-perkara yang diminta oleh *Board of Directors* ini dipatuhi sebelum kita membuat keputusan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kita mengambil kira semua pandangan termasuk juga *Chairman of Board of Advisors*. Selalunya perbincangan yang aktif diadakan sebelum sesuatu keputusan dikeluarkan dan kita mempunyai dalam Lembaga Pengarah itu dua, tiga orang pakar dalam bidang *business* dan sebagainya. So, selalunya keputusan dibuat setelah mengambil kira semua pandangan dan pendapat termasuk juga daripada Pengerusi *Board of Advisor*.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya pergi pada Lampiran 44, satu *circular to all directors. Investment on additional USD1 billion under Murabaha financing. This suppose to be a very principle decision to be made by the Board of Director*, tetapi hanya sekadar dengan resolusi sahaja. Macam mana pandangan Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, walaupun keputusan dibuat dalam bentuk resolusi tetapi perbincangan berkenaan perkara itu telah diadakan banyak kali dan dalam banyak mesyuarat. Apabila kita membuat keputusan itu, mungkin pada masa itu keputusan perlu dibuat dengan agak segera dan mungkin kesukaran mendapatkan lembaga pengarah untuk hadir dalam mesyuarat tertentu untuk membincangkan. *But*, saya suka mengesahkan bahawa perbincangan berkenaan perkara itu telah dibuat banyak kali dan *only* keputusannya sahaja dibuat melalui *circular resolution*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tadi...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tan Sri, saya hendak balik- ada ini Mesyuarat Lembaga Pengarah 3 Oktober 2009, Audit menceritakan pelbagai, contohnya Lembaga Pengarah tidak dimaklumkan penubuhan USD700 juta, akaun yang berbeza, keliru dengan status pemilikan aset. Kemudian, ada arahan-arahan daripada *Board of Directors* menentukan sama ada USD700 juta ini dapat dikembalikan, pengesahan bertulis daripada JP Morgan mengenai kelulusan penggunaan dana; ketiga, mendapatkan sesalinan laporan penilaian oleh Edward Morse dan aset yang disuntik itu telah dimiliki oleh syarikat usaha sama. Kalau ikut selepas itu punya mesyuarat, semua arahan ini tidak pernah diikut. So, kenapa lembaga pengarah sayang sangat dengan pengurusan ini?

■1230

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana saya jelaskan tadi, bukan Lembaga Pengarah sayang sangat kepada pihak pengurusan, tetapi dalam mesyuarat yang berikutnya pihak pengurusan telah memberikan penjelasan dengan dokumen-dokumen untuk memberi sokongan berkenaan dengan kesahihan, apa juar keputusan yang dibuat oleh mereka, walaupun nampak bercanggah sedikit dari apa yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Umpamanya, pengesahan telah diterima daripada pihak PSI berkenaan penerimaan USD700 juta itu walaupun dimasukkan dalam akaun yang berbeza tetapi ini adalah disahkan sebagai akaun milikan mereka. Jadi dengan itu juga mereka mengesahkan bahawa pelaburan 1MDB dalam 1MDB PetroSaudi adalah di tahap sepertimana yang diperlukan.

*So, the initiatives are ataupun supporting documents dan pengesahan daripada pengurusan pada pendapat Lembaga Pengarah has satisfied ataupun memberi comfort kepada Lembaga Pengarah kepada tindakan walaupun tidak sepetimana yang disebutkan telah diambil, pelaburan kita tidak terjejas.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kami Tan Sri Lodin *I mean we are not looking at business decision but we are always looking at governance. So all these things are afterthought.* Pihak pengurusan buat, selepas itu ia *satisfy, comfort* Lembaga Pengarah. *Which I think in the way of a good governance memang tidak betul.*

Akan tetapi kenapa tidak ada langsung arahan, amaran, satu tindakan yang lebih tegas dari Lembaga Pengarah supaya perkara ini tidak diulang-ulang, tidak dibuat semula. Tambahan pula *the diversion is very, very big. You are talking about* menandatangani dengan *company* yang berbeza yang beri *strength* yang berbeza. Kedua, membuat USD700 juta yang hampir RM2.5 bilion kepada satu buah syarikat yang tidak mendapat kelulusan dari Lembaga Pengarah.

Ini semua satu kesalahan yang cukup besar ini, *you know. It's dosa* yang cukup besar. Ia tidak akan boleh kita ampunkan macam itu dan Lembaga Pengarah tidak membuat keputusan langsung yang menunjukkan bahawa syarikat ini diuruskan oleh pengurusan, bukan ditadbirkan oleh Lembaga Pengarah.

Jadi ini yang memberi kesangsian kepada ramai yang di luar ini. *It's always difficult for us to challenge why we sign with Petrosaudi. You were then satisfy it,* kita ada pulangan-pulangan, kita ada *reserve, G-to-G* ini. Itu tidak apa.

Akan tetapi kita bimbang pengurusan, terutamanya pula ini syarikat GLC. Lebih memudaratkan lagi, tidak ada syarikat lain yang ada seksyen 117 yang memberi *full power* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini juga memberi kita satu impak kepada *the politicians like us, you know.* Sudahlah tidak ada syarikat GLC yang lain. Sime Darby tidak ada, Maybank tidak ada, Tan Sri Lodin punya syarikat, Affin Bank yang hebat pun tidak ada. Tiba-tiba syarikat ini ada.

Pula, Lembaga Pengarah, *sorry to say sir, so weak, is so weak.* Padahal mereka adalah orang-orang yang *track recordnya* cukup-cukup hebat. Itu saya tidak faham kenapa Lembaga Pengarah tidak langsung mengambil tindakan, gantung, *show cause letter, enquiries.* Akan tetapi padahal membiarkan ini berterusan.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, tindakan yang diambil oleh pengurusan dianggap juga sebagai satu tindakan *commercial.* Kita ada berbincang walaupun mungkin tidak ada minit yang berkenaan dengan perkara-perkara yang berlaku dan memberi nasihat-nasihat tertentu kepada pihak pengurusan. Akan tetapi, apa yang berlaku dalam pandangan kita kemudiannya telah disahkan dan tidak ada penyelewengan atau tidak ada *criminality in term of ia punya action.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tan Sri Lodin, *can I interrupt you? Are you saying that the questions raised by the Board Members in the Board Meetings are all now invalid? Because we have a*

*series of meetings, their explanations and all that. I would go for just to qualify the board has all the necessary information, would have at least insist on DCR.*

*Now according to our auditors, these documents are not available. The minutes of meetings and discussions that you have that tend to make these points that you raised invalid are not there. So how would you explain that the questions now are no longer relevant or were no longer relevant because the transaction was already done. So what is needed now is damage control. Is that the case the situation right now?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, *the Board recognize that the tindakan yang diambil oleh pengurusan mungkin tidak selari. But the following meeting, the management came back dengan penjelasan, dengan dokumen. The Board accepted some of the explanation and to keep as a commercial decision yang dibuat oleh pihak pengurusan.*

*Dengan itu, pelaburan 1MDB dalam syarikat berkenaan tidak terjejas. Yes money was paid to another company but it is confirmed that that company is owned by Petrosaudi. Because Petrosaudi telah put in asset sebanyak mana yang dipersestui dan mereka memohon supaya mereka dibayar balik bagi apa jua aset yang mereka telah put inside the JV company. So, yes some differences in terms of action taken between the decision of the board and the management, but the management explained that that's a commercial decision that they have got to make to support the joint venture and to preserve the relationship in term of the joint venture.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Isn't it proper for the board to endorse the decision made by management and actually admit that these no longer valid?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *You may be right there Yang Berhormat. That should have probably been done by the Board to confirm balik apa yang telah dijelaskan oleh pihak pengurusan.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Antara perkara yang telah pun dibangkitkan berkali-kali oleh Tan Sri Lodin tadi ialah bahawa perjanjian antara 1MDB dengan Petrosaudi itu merupakan perjanjian G-to-G. Adakah pihak Lembaga Pengarah tahu siapakah pemilik saham Petrosaudi? *Who are the shareholders of Petrosaudi?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Mengikut laporan, *the major shareholder is Prince Turkey*, anak kepada *King Abdullah, Ruler of Saudi Arabia* pada masa itu yang kemudiannya dilantik sebagai *Governor Riyadh*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Yang kita nampak *the screenshot of the company's search* ialah syarikat tersebut majoritinya dimiliki oleh seorang yang bernama Tariq Ubaid iaitu CEO kepada Petrosaudi di mana *Prince Turkey* mempunyai saham lebih kurang 40% sebegini.

*Prince Turkey is one the 34 children of King Abdullah. So, how does that prove any link to the government of Saudi Arabia? Raja-Raja kita pun ada syarikat sendiri, tidak bermaksud Raja kita ada syarikat, ia merupakan syarikat kerajaan. So, how was the government link proven?*

■1240

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, itu susah saya hendak jawab. *I am not sure what is the relationship antara- yes, Mr. Obaid is also a shareholder* tetapi mengapa Prince Turkey dipilih untuk dan PetroSaudi dipilih, ini saya tak dapat jawab Yang Berhormat. Akan tetapi apa yang saya suka maklumkan bahawa saya dimaklumkan bahawa Prince Turkey telah dipilih sebagai melalui PetroSaudi untuk membuat *joint venture there*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, but you means there is no verification* daripada pihak Lembaga Pengarah, sama ada syarikat ini benar-benar merupakan syarikat kerajaan Saudi Arabia?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, kita tak sebut ini syarikat kerajaan Saudi Arabia. *This is a syarikat yang dikenal pasti oleh Raja Abdullah bila dalam...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, dokumen yang menunjukkan bahawa *[Ketawa] I means the point is was there any verification done on how this is actually- I means, IPIC for example is clearly Abu Dhabi investment entity*. So, kita buat perjanjian dengan Aabar, saya okey, *no problem* sebab memang benar jelas bahawa anak syarikat kepada Kerajaan Abu Dhabi tetapi dengan PetroSaudi tak ada kaitan sebegitu dan tak ada bukti-bukti yang ditunjukkan yang meyakinkan bahawa memang ada kaitan G-to-G.

**Tuan Pengerusi:** Cuma saya nampaklah Saudi ini dia...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Yang Berhormat, kalau saya menjawab soalan itu, kalau sayalah. *I just, if I in that position*, dia anak kepada Raja, *how dare*, Yang Berhormat berani kah muhu pergi *check* dia punya latar belakang, Yang Berhormat berani?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *We do not have to invest USD1 billion. This is USD1 billion*, kita melabur.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *I ingat we are too long in this subject. Can we...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sekurang-kurangnya bagi jawab *officially* dulu soalan itu *then* kita akan *move on to the next topic*.

**Tuan Pengerusi:** *That* soalan memang- cuba Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, kita cuba tengoklah. Kalau Kuwait dia ada Kuwait Investment, kalau Abu Dhabi dia ada Abu Dhabi. Kalau Emirates, *we know that the Emirates fly* itu *is own by Emirates* punya. Saudi overall *is* kita tengok siapa ini, Prince Alwaleed itu, kita tak tahu sama ada dia punya atau *[Ketawa]* Prince Alwaleed yang *owned 50% of Citibank*? Saudi ini *quite different* ya?

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *That is why Tuan Pengerusi, for our purpose is either yes or no. You know or you don't know for the record because we have to made a report but you cannot write a report based on assumptions. So, I think if the question is you don't know or you are not aware then it cannot be a report, the written report.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya betul-betul tak faham cara bagaimana Saudi Arabia menguruskan atau menetapkan siapa yang berhak, siapa yang tidak berhak. *I am sorry, I am not privy to that.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** ...Lembaga Pengarah tak tahu. *We just take it at face value that it is. Okay, we just assume that it is.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Well the advice also from our government that this is from the visit of our Prime Minister to Saudi Arabia.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *How did the government advise 1MDB that* ini memang G-to-G? Adakah Kementerian Kewangan tulis surat kepada 1MDB bahawa...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I think there was,* ada yang disebutkan oleh Perdana Menteri semasa perjumpaan dengan mereka yang terlibat dengan 1MDB selepas beliau balik daripada lawatan ke Saudi Arabia. *There was some discussion.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Basically, at best there were some verbal discussion, there's nothing documented to provide backing as such. I just need to confirm whether there is. If tak ada, I move on.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *There could be some communication but I got to check on this* Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya hendak tanya sama ada lembaga pengarah sedar bahawa dalam laporan Edward Morse itu mengenai nilai terutamanya minyak yang ada di Caspian Sea tidak menyebut sama ada PetroSaudi memiliki *reservoir* minyak tersebut. Dia hanya kata *reservoir* nilai berapa tapi dia tak kata *reservoir* itu dimiliki oleh PetroSaudi.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *To add on, this is what I am saying that* dalam 3 Oktober itu, *board* terang-terang minta mendapat pengesahan bertulis bahawa aset yang disuntik oleh PetroSaudi Holding telah dimiliki oleh syarikat usahasama. *So, is there a follow up lepas daripada itu?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, kita mendapat pengesahan dalam perbincangan dengan PetroSaudi memang mereka memiliki kawasan berkenaan tetapi mungkin tidak disebut oleh Edward Morse *but* telah disahkan oleh PetroSaudi. *Could be again...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Apakah cara sah pengesahan tersebut? Verbal?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang pasti, *I got to come back to you all about this one ya. I will check.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini penting kerana yang kita tahu sekarang, *reservoir* minyak itu tidak dimiliki oleh PetroSaudi. Yang PetroSaudi ada hanya satu perjanjian kerjasama dengan pemilik *reservoir* tersebut yang dipanggil sebagai *farm-in agreement*. So adakah lembaga pengarah sedar perkara tersebut ataupun membuat *due diligence* mengenai perkara tersebut?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya kurang pasti berkenaan perkara ini. *I got to check.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kurang pasti tak apa, so was there a due diligence carried out where the board of directed cited this document?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya tak pasti Yang Berhormat, I cannot answer.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sama ada due diligence dibuat pun tak pasti?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kurang pasti, I have to you know, saya akan semak semula.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tony punya soalan, sedikit sahaja. So sir, how did you come to a conclusion that you are comforted yang USD700 juta ini dibayar kepada PetroSaudi bila kita pun tak sure due diligence of the asset kita buat ataupun tidak. Bila kita tak tahu aset itu sudah dimiliki oleh kita ataupun tidak because you came out with the statement that after the explanation, the Board comforted that pengurusan ini- how did it come out because kita bayar USD700 juta ini ataupun kita bayar USD1 bilion ini untuk kita memiliki aset 40% yang nilainya tidak sepatutnya kurang daripada USD2.5 bilion. So, how do we assess it? How did lembaga pengarah assess that there is asset of USD2.5 billion then it was a right decision by pengurusan untuk membayar USD1 bilion ini? This is because if you can even say that whether the due diligence was done, you are satisfied will all the asset.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, lembaga pengarah membuat keputusan berdasarkan kepada pengesahan daripada Edward Morse dan pengurusan. Jadi, we take the explanation given by both parties, number one. Number two, ada pengesahan daripada pihak PetroSaudi berkenaan dengan pembayaran USD1 bilion itu sebagai penerimaan bagi 40% saham yang dimiliki oleh...

■1250

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tan Sri, before that. You said payment was made after getting the report from Edward Morse but then the report says the payment was made before the report comes, I mean, any verification.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang pengesahan Yang Berhormat, bukan selepas penerimaan report itu. Pengesahan mengenai pembayaran.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri, boleh Tan Sri...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Can I get the answer first?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Mr. Chairman, can we give a chance to Tan Sri to discuss with the officer first because this is very serious matter. I think give us times up and give them a chance to verify because this is very important question posted by Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Give them time. Okay?

**Tuan Pengerusi:** Setuju, Yang Berhormat Putatan. Sekarang sudah 12.51 ya. So, kita hendak sambung esok? Panjang lagi kita ini. So, kita sambung esoklah... [Disampuk] Petang? Petang start pukul berapa?... [Disampuk] Saya ingat kita sambung esoklah. Can you be prepare all these benda-benda ya?

Cuba you tanya soalan lagilah ini, soalan-soalan yang esok dijawab. Tanya, *I think*. Tan Sri catat sekarang.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya rasa ini mungkin boleh jawab hari ini 'kot'. Saya based on satu Directors circular resolution tetapi ini during TIA, Tan Sri. Kedua-dua Directors TIA ini berada dalam 1MDB sekarang ini iaitu Datuk Isme dan juga Datuk Shahrol. Saya hendak rujuk kepada Lampiran 42 dalam audit punya dokumen ini, "Appointment of the advisor". Kalau saya boleh baca, "That Yang Berbahagia Datuk Abdul Aziz bin Mohd Akhir and Encik Low Teck Jho hereby appointed as company advisors with immediate effect". Ini bertarikh 8 April 2009 under TIA Berhad ditandatangani oleh Datuk Isme Ismail dan Datuk Shahrol Azral.

Okey, saya hendak relatekan perkara ini dengan satu jawapan di dalam Parlimen terhadap Yang Berhormat Petaling Jaya Utara punya soalan iaitu tentang kehadiran Mr. Low Teck Jho dalam satu 1MDB Board Meeting pada bulan September 2009 yang dikatakan dia mewakili keluarga Arab Saudi. So, di sini dia dilantik menjadi advisor kepada TIA and later, I believe, to advisor to 1MDB but in September 2009, dia dikatakan hadir dalam Board Meeting 1MDB pertaining to USD1 billion investment with PetroSaudi and he was representing keluarga Arab Saudi. Itu jawapan dalam Parlimen.

So, how we do reconcile this two situation- one, as advisor to TIA, and one, represent the keluarga Arab Saudi? Thank you.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Soalan satu lagi.

**Tuan Pengerusi:** Buat soalan, buat soalan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Buat soalan ya.

**Tuan Pengerusi:** Ini bila TIA dah tidak ada, PM jadi advisory di mana Jho Low itu semua tidak ada sudah.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, we don't get confused, TIA is 1MDB. It is just a change of the name but the structure of the company is still the same.

**Tuan Pengerusi:** But director semua dah lain.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** No, no, no.

**Tuan Pengerusi:** I mean the owner, the owner....

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tan Sri Lodin, if I can say correctly, was appointed when this is still TIA. Betul tidak?

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** You were appointed 11 of August, TIA tukar nama kepada 1MDB 25 September. So, masa pelantikan itu masih lagi TIA, belum lagi pindah nama kepada 1MDB. Now, don't get confused. [Disampuk] No, it is in the Auditors Report. Auditors Report means the Form 40 has been signed.

**Tuan Pengerusi:** Okey, esok bawa semua borang tadi, form tadi, 48 semua, bila tukar, siapa lantik, siapa berhenti, itu kena bawa. Okey, ada soalan lagi?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Boleh, Tuan Pengerusi ya?

**Tuan Pengerusi:** Ha, soalan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri, kalau kita balik ke Minit Mesyuarat 3 Oktober- *and you are not the Chairman yet, correct?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Belum lagi.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri jadi Pengerusi bila itu?

**Tuan Pengerusi:** Okey, tanya soalan, jangan penjelasan.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Pada 20 Oktober.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Okey. *That means 3<sup>rd</sup> and 10<sup>th</sup> October you are not the Chairman yet. Was this is the reason, adakah ini satu daripada sebab-sebab yang Tan Sri Bakke ini meletakkan jawatan kerana tidak bersetuju dengan banyak perkara yang dibangkitkan, 'A' sampai 'F' ini? Itu satu.*

Kedua Tan Sri, *in present day now, you are also Deputy Chairman of Affin Holding and you are also a non-Executive Director of Affin Bank. Sekarang banyak orang bercakap tentang persepsi kerana Affin membeli tanah dalam TRX. Jadi soalan saya, apakah sebenarnya peranan Tan Sri? Sama ada ia ada melibatkan conflict of interest or are you actually now membuat satu pengumuman dalam mesyuarat untuk tidak melibatkan diri, tidak terlibat dalam mana-mana keputusan? Ini kerana selain daripada you are also the Deputy Chairman of the holding, you are also the Director of the bank, and yet, the bank now buying another land in TRX.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Boleh saya jawab itu, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Esok, esok. Tulis, tulis soalan dahulu.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Jadi kita hendak tahu *now whether you are actually using any influence and to what extent.*

Sekarang kita hendak tanya lagi satu, *the present HQ of Affin Bank. This is actually dia ini menumpang sahaja ataupun menyewa bangunan yang dimiliki oleh Boustead, where you are also the Chairman.* Jadi sekarang kita dapat faham kenapa Affin hendak beli tanah dekat TRX itu kerana dia sekarang pun masih menyewa lagi. Sewaan dia satu bulan lebih kurang RM900,000 lebih, betul Tan Sri ya?... *[Disampuk]* Ha, betul. Jadi we are not wrong lah tetapi *at the same time now you are also the Chairman of Boustead.*

**Tuan Pengerusi:** Soalan sahaja Yang Berhormat, soalan sahaja.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Okey, soalan saya, adakah ini juga ada hubung kait ataupun disalah guna kepentingan? Esok Tan Sri jawablah... *[Disampuk]* Tak apa, jangan jawab dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Soalan lagi. Soalan-soalan untuk esok ini sebelum kita *continue.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Semasa Arul, CEO 1MDB datang hari itu, kita ada bangkitkan isu pinjaman USD975 juta daripada *Deutsche Bank Consortium.* Beliau ada beri janji akan berikan apa yang dibelanjakan dengan wang tersebut. Mungkin Tan Sri boleh bawa dokumen tersebut esok.

Nombor dua, dokumen-dokumen berkaitan dengan PetroSaudi, *due diligence* yang telah dibuat, kalau boleh bawa bersama supaya kita boleh diyakinkan bahawa ini memang bona fide dalam semua *transaction* ini.

■1300

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar-Bharu]:** Saya cuma hendak tengok *on the legal side*. Contohnya penamatan *joint venture* antara PetroSaudi dengan 1MDB *convert* kepada Murabaha *was done on the 31<sup>st</sup> March. Was it completed because account for 20* itu mengambil kira yang sudah *complete*. Padahal kalau kita tengok *the conversation* antara pengurusan dengan *auditor*, dia masih lepas itu pun belum *complete because this are legal issues. That means 1MDB overstated revenue* dia, *profit* dia, implikasinya amat berat kepada syarikat kerajaan.

Kedua, bagaimana keputusan untuk menambahkan USD500 juta dan USD300 juta dibuat melalui *circular resolution*, tidak melalui *proper* lembaga pengarah ataupun melalui proses bagaimana Tan Sri katakan tadi, *investment* dia, perolehan dia atau apalah. So kenapa *Board of Directors* benarkan kelulusan USD800 juta ini dibuat dengan cara *circular resolution* dengan DCR.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dua soalan besar yang akan diteliti esok lagi dengan lebih teliti tetapi mengenai *asset swap* dan perjanjian Bandar Malaysia. Kedua-dua perjanjian ini kalau boleh bawa bersama sebab kalau ada soalan boleh jawab terus daripada apa yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw [Timbalan Pengerusi]:** Tan Sri, Lampiran 12 ini, *Federal Government Guarantee* ini untuk TIA. Adakah ini *applicable* kepada 1MDB? Tan Sri sebut tadi mengenai Arab Saudi, China, Kuwait, Qatar dan bolehkah sebutkan syarikat-syarikat daripada negara-negara ini dan jumlah wang yang terlibat.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada lagi?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Satu lagi, soalan akaun. Semasa bila 1MDB beli Powertek, pada tahun yang sama pembelian ada *impairment* hampir RM2 bilion. So, bagaimana Lembaga Pengarah buat keputusan untuk *allow this impairment just after few months of acquisition?*

**Tuan Pengerusi:** Lagi? Tiada ya? Kalau tiada...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Just Tan Sri, can you also tell why the first auditors was removed? Ernst & Young was removed? After Ernst & Young, it was a KPMG, KPMG was also removed. Now is Deloitte. So can you give us a...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Tiada ya. Kita harap esok kita boleh *move* daripada PetroSaudi *to* Murabaha *and then* sampai ke TRX sampai ke- jadi kita sambung- kita sambung awal pagi sedikitlah, 9.30 am esok ya. Pukul 9.30 pagi, jangan 10 pagi. Esok kalau tidak habis kita sambung petang, itu sahaja. Kalau tidak habis.

Sorry Tan Sri, you have to get ready for tomorrow even after lunch. If we think that we have to continue, we continue sampai petanglah. So, kita pun bertanggungjawab untuk menyediakan laporan ini.

Ini sekarang sudah 19 hari bulan. Tidak lama sudah, Parlimen Mac hendak buat sekali lagi itu *consensus*, persetujuan bersamalah... [Disampuk] Ya. Biar...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya rasa tadi kita setuju hendak putuskan *in the end of discussion today* sama ada hendak panggil Tan Sri Bakke atau tidak.

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Biar mereka keluar dahulu. Okey, terima kasih Tan Sri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Decide tomorrow juga?*

**Tuan Pengerusi:** *Okay tomorrow. We decide tomorrow. Terima kasih. See you tomorrow on 9.30 am.*

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.05 petang.]**